

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya :
"Dari Ibnu Abas Radiallahuanhuma katanya : Telah bersabda Nabi
Sallallahu Alaihi Wasallam : Dua nikmat yang kebanyakan orang yang
sering terpedaya olehnya ialah kesihatan dan masa lapang".
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.13 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.20 | ASAR 3.22 | MAGHRIB 6.24 | ISYAK 7.33 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 107 | 7 SEPTEMBER 2026 / 1448 ربيع الأول 25 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

ALUMNI PTE JALAN MUARA ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Ahad, 6 September. - Alumni Penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975-1978 mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Bagi Tahun 2026.

Majlis penuh keberkatan itu diniatkan sebagai 'Pesambah Istimewa' Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis keagamaan yang berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam itu diadakan buat kali ke-5 dan dianjurkan oleh Jawatankuasa Ad hoc Alumni Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 (PTE KLASIK), sebagai wadah wacana taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang raja yang berjiwa rakyat, prihatin dan pemedulian terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan

Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

>> Muka 3

HBL dilanjutkan susulan keadaan kualiti udara semasa

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan bahawa berdasarkan pemantauan dan penilaian semula terhadap keadaan kualiti udara semasa, Pembelajaran Berasaskan Rumah (Home-Based Learning - HBL) bagi semua sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat tingkatan enam (kerajaan dan swasta) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah agama, Arab dan institut tahfiz di bawah kawalan KHEU akan dilanjutkan pada Isnin, 7 September 2026.

Kementerian Pendidikan dan KHEU akan terus memantau keadaan semasa dan penilaian semula akan dibuat pada pukul 4.00 petang, Isnin, 7 September 2026, bagi menentukan status pengoperasian institusi-institusi pendidikan seterusnya.

Sebarang perkembangan atau ketetapan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

>> Muka 5

Hospital RIPAS kini dilengkapi sistem pengimejan DXA terkini

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Kementerian Kesihatan hari ini memperkenalkan Sistem Pengimejan Terkini Dual-energy X-ray Absorptiometry (DXA) di Jabatan Radiologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), sebagai salah satu usaha berterusan dalam meningkatkan kualiti dan kapasiti perkhidmatan pengimejan diagnostik di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian sistem tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad

Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Irham bin Dato Paduka Haji Mahmud; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan, serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan acara perasmian Sistem Pengimejan DXA oleh tetamu kehormat.

>> Muka 5

Ketengahkan bakat, kreativiti dalam masakan, penyediaan makanan, gubahan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman

TEMBURONG, Ahad, 6 September. - Pelbagai kategori masakan termasuk kuih-muih, biskut, buah-buahan dan juga aneka gubahan bunga dipertandingkan pada Pameran Urusan Rumahtangga sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 bagi Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Mukim Bangar.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



SABAR lahirkan kekuatan,
kematangan

Muka 3



MEMPERLUASKAN promosi
pelancongan NBD di peringkat
serantau

Muka 6



RESOLUSI Dialog Teluk Brunei
Ke-12 tekankan pemartabatan
bahasa, sastera

Muka 7



GUNAKAN AI sebagai alat
memperkasa manusia bukan
pengganti manusia

Muka 20

Menghayati Al-Quran membentuk huffaz berilmu, beradab, berdaya saing

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillaahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah inayah, rahmat serta taufik-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama berhimpun dalam suasana yang penuh keberkatan ini bagi menyempurnakan Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah Kali Ke-14.

Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Kejayaan ini adalah hasil daripada keutuhan iltizam, ketekunan serta istiqamah sepanjang menempuh proses pembelajaran yang menuntut kesabaran dan pengorbanan yang tinggi.

Ucapan setinggi penghargaan jua kepada para ibu bapa dan penjaga atas doa dan sokongan murni, serta barisan tenaga pengajar dan seluruh warga Institut atas curahan bimbingan yang amat bernilai.

Majlis pada hari ini merupakan peristiwa bersejarah dalam perkembangan Institut, dengan meraikan seramai 38 penerima syahadah daripada pengambilan sulung Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat sesi kemasukan tahun 2023. Pencapaian ini mencerminkan usaha berterusan institut dalam memperkasa bidang pengajian Al-Quran agar sentiasa berkembang selaras dengan keperluan negara, khasnya dalam melestarikan tradisi keilmuan Islam yang

muktabar.

Sesungguhnya kejayaan menamatkan pengajian tahfiz bukanlah noktah akhir, bahkan merupakan permulaan kepada menanti amanah yang lebih besar. Penguasaan pelbagai disiplin ilmu Al-Quran termasuk tajwid, qiraat, tafsir, Ulum Al-Quran dan *tadabbur*, merupakan khazanah keilmuan yang amat bernilai bagi membina masyarakat celik Kalamullah.

Para graduan berpotensi besar untuk memperluas peranan sebagai huffaz profesional yang berdaya saing, berpaksi kepada tradisi keilmuan yang dipelihara turun-temurun serta mampu berdikari membawa penghayatan nilai Al-Quran dalam pelbagai lapangan kehidupan demi pembangunan ummah.

Pada hemat saya, dalam melestarikan kecemerlangan bidang ini pembangunan profesional tenaga pengajar harus diberikan perhatian yang sewajarnya. Ini merangkumi membuka ruang dan peluang bagi mereka mempertingkatkan kelayakan akademik, memperluas budaya penyelidikan serta menghasilkan karya ilmiah berwibawa, khususnya dalam memperkukuh kurikulum pengajian Al-Quran negara.

Perkara ini bertepatan dengan titah paduka ayahanda semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara 1446 Hijrah, bahawa antara harapan tinggi negara adalah untuk melihat 'guru-guru yang berkaliber, khasnya guru-guru Al-Quran yang mampu untuk melahirkan generasi cemerlang dalam bidang Al-Quran', di samping memberi jaminan bahawa kerajaan baginda akan sentiasa memberi keutamaan kepada bidang pengajian Al-Quran.

Sehubungan itu, kekuatan hafazan wajib disempurnakan dengan kefahaman *tadabbur* yang sahih berlandaskan akidah Ahli Sunnah

Waljamaah, agar kita sentiasa terhindar daripada fahaman yang menyimpang. Penghayatan Al-Quran melalui tilawah yang *tartil*, *ta'lim* dan *tazkiyah* berupaya membentuk sahsiah huffaz sebagai *qudwah hassanah* iaitu contoh teladan yang baik kepada masyarakat.

Dalam mendepani arus pemodenan, kemajuan teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) wajar dimanfaatkan sebaik-baiknya sebagai wahana bantu penyebaran ilmu dan bukan sebaliknya. Walau bagaimanapun, kecerdasan buatan tidak sesekali dapat menggantikan keutamaan guru, kerana kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* kekal sebagai asas mutlak dalam memelihara keaslian sanad bacaan dan kefahaman Al-Quran.

Pada masa yang sama, aspek pembangunan insan tidak boleh ditekankan. Pemerkasaan kemahiran insaniah melalui latihan peningkatan keupayaan termasuk jalinan kerjasama strategik bersama Pusat Pembangunan Belia amat bertepatan bagi melahirkan graduan yang memiliki daya kepimpinan, semangat kerja berpasukan serta ketahanan diri yang kukuh dalam mendepani realiti pasaran kerja.

Justeru, saya menyeru para graduan agar terus memelihara hafazan, memperkaya khazanah ilmu dan menjunjung tinggi adab Al-Quran dalam apa jua bidang yang diceburi. Bawalah amanah ini sebagai penjaga Kalamullah yang memartabatkan syiar Islam demi merealisasikan hasrat murni paduka ayahanda membangunkan sebuah Negara Zikir.

Sebagai penutup, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan serta keluarga, dan ucapan terima kasih kepada Ahli Lembaga Institut serta seluruh Jawatankuasa Pengelola Majlis.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan mengurniakan sabda bersempena Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah Kali Ke-14 pada Rabu, 2 September 2026 di Dewan Utama Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan taufik dan hidayah-Nya, memberkati para graduan dengan kekuatan untuk terus memelihara hafazan, memperkukuh keilmuan, serta kekal istiqamah berakhlak demi agama, raja, bangsa dan negara. Semoga segala usaha murni semua pihak yang menjayakan majlis ini dibalas dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	HARI	RABIULAWAL	IMSAR	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	ISNIN	25	4.45	4.55	6.13	6.35	12.20	3.22	6.24	7.33
8	SELASA	26	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.21	6.23	7.33
9	RABU	27	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.20	6.23	7.32
10	KHAMIS	28	4.45	4.55	6.12	6.35	12.18	3.18	6.22	7.32
11	JUMAAT	29	4.45	4.55	6.12	6.34	12.18	3.18	6.22	7.31
12	SABTU	30	4.45	4.55	6.12	6.34	12.18	3.19	6.22	7.31
13	AHAD	1	4.44	4.54	6.12	6.34	12.17	3.19	6.21	7.30
		RABIULAKHIR								
Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
RAMALAN CUACA 3 HARI										
ISNIN			SELASA				RABU			
Bandar Seri Begawan										
35	26	HAZE	34	25	HAZE	34	25			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			
Pekan Bangar										
35	26	HAZE	34	25	HAZE	33	25			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			
Pekan Tutong										
35	26	HAZE	34	25	HAZE	33	25			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			
Kuala Belait										
35	26	HAZE	34	25	HAZE	33	25			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi										
										www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 7 SEPTEMBER 2026

Pendidikan agama bentuk acuan generasi berilmu, berakhlak

ALHAMDULILLAH, menjadi satu pencapaian yang membanggakan bagi negara kita apabila pendidikan agama di negara ini telah menjangkau 70 tahun sejak ia bermula pada tahun 1956. Kita bersyukur kerana dengan adanya pendidikan agama ini dapat menjadi benteng bagi anak bangsa di negara ini untuk menghadapi segala cabaran kerana dengan pendidikan Islam sahaja generasi akan bertahan kukuh terhadap sebarang anasir jahat yang ingin menghancurkan bangsa dan agama.

Mengimbas kembali sejarah bermulanya pendidikan agama di negara ini yang mana ia bermula di rumah-rumah persendirian, masjid, balai oleh mubaligh Arab, ulama Aceh dan Melaka. Di sini sudah dapat dilihat bagaimana orang-orang dahulu mengutamakan pendidikan agama untuk anak-anak mereka.

Pada 16 September 1956, sistem persekolahan agama secara penuh diwujudkan dengan penubuhan Sekolah Rendah Agama sepenuh masa atas inisiatif Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Antara matlamatnya ialah untuk memupuk serta menggalakkan pendidikan asas agama Islam, memperkenalkan Islam adalah agama yang benar, tinggi dan bertamadun, menanam kepercayaan Islam cara hidup yang lengkap.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan penggabungan undang-undang Perintah Pendidikan Wajib 2012 yang akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 semasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Selain membentuk generasi yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, pendidikan agama juga memberikan pengetahuan tentang ajaran Islam, ibadah dan akhlak di samping membantu pelajar membezakan perkara yang baik dan buruk berdasarkan ajaran Islam. Melahirkan masyarakat yang berilmu, berakhlak dan mengamalkan ajaran agama akan menjadi tonggak kekuatan negara dengan lebih terarah dengan falsafah Melayu, Islam, Beraja. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Alumni PTE Jalan Muara adakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Keputeraan



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku tetamu kehormat majlis, semasa menyempurnakan penyerahan sumbangan derma.

Oleh : Nooratin Haj Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga merupakan Alumni Penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 dan Penaung Bersama Jawatankuasa Ad hoc.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Majlis penuh barakah itu juga dihadiri oleh kira-kira 150 orang jemputan terdiri dari mantan-mantan pengetua, tenaga-tenaga pengajar dan lepasan penuntut-penuntut lelaki dan perempuan PTE Jalan Muara 1975-1978, serta PTE

Gadong / Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Umul Kitab, Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Kemudian diikuti dengan bacaan doa beramai-ramai sebelum membaca Al-Quran diketuai oleh Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Salleh.

Selepas itu, disusuli dengan bacaan surah-surah lazim beramai-ramai diketuai oleh Awang Haji Yakob bin Haji Yusof. Sementara bacaan Takhtim diketuai oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong,



Majlis dihadiri oleh kira-kira 150 orang jemputan. Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Awang Haji Muhd. Yadiy bin Haji Yusof.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Tahlil beramai-ramai diketuai oleh Pengiran Haji Yunus, manakala bacaan Doa Khatam Al-Quran dan Doa Tahlil masing-masing dibawakan oleh Awang Haji Yakob bin Haji Yusof dan Pengiran Haji Yunus.

Kemudian majlis diserikan dengan Dikir Marhaban (Asyraqal) yang dibawakan secara beramai-ramai dipimpin bersama oleh Awang Haji Jasni bin Haji Abdul Latif dan Pengiran Haji Airuddin bin Pengiran Haji Mohammad.

Disusuli selepas itu dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai diketuai oleh imam masjid berkenaan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan beramai-ramai Sayyidul Istighfar dipimpin oleh Pengiran Haji Yunus.

Majlis pagi itu diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan

Sultan dan Raja Isteri serta Negara dipimpin oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Terdahulu sebelum itu, majlis bermula dengan penyerahan sumbangan derma ikhlas daripada warga Alumni PTE Negara Brunei Darussalam kepada Tabung Anak-anak Yatim Jabatan Daerah Brunei dan Muara berjumlah BND500.

Penyerahan derma berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Abdul Hadi bin Haji Mohd. Syarifuddin, selaku wakil Pegawai Daerah Brunei dan Muara (Pengerusi Tabung Anak-anak Yatim Jabatan Daerah Brunei dan Muara), Negara Brunei Darussalam.

Setiasaha Bersama Majlis berkenaan, Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim, menjelaskan bahawa majlis tersebut diadakan sejak tahun 2019 adalah sebagai menzahirkan

rasa kasih sayang dan taat setia yang tidak berbelah bahagi Alumni Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978. Kehadiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Menurut beliau, pembacaan 30 juzuk Al-Quran yang dimulakan sejak 9 Mei 2026 disertai oleh seramai 121 orang yang melibatkan 53 orang peserta lelaki dan 68 orang peserta perempuan terdiri daripada Alumni Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara, lepasan penuntut Penuntut PTE Gadong / Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong.

Beliau juga memaklumkan bahawa Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 terpanggil untuk merancang beberapa program Sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Pemerintahan Kebawah DYMM. Peristiwa bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam itu akan diadakan tahun hadapan, 2027.

SABAR LAHIRKAN KEKUATAN, KEMATANGAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Sabar ibarat suluh yang menerangi jalan ketika kita berada dalam kegelapan. Apabila kita bersabar kerana Allah, sebenarnya kita tidak pernah bersendirian. Allah mengetahui setiap langkah yang kita ambil walaupun tiada seorang pun manusia yang mengetahuinya.

Ujian bukan tanda Allah membenci kerana tidak semua ujian datang untuk menghancurkan kita. Ada ujian yang datang untuk menguatkan kita atau mendekatkan kita kepada Allah. Boleh jadi itulah cara Allah mendidik kita. Sabar juga bukan bermaksud duduk diam.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Kesabaran Suluh Kejayaan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Tsuufiy bin Haji Abd. Wahab yang juga Alumni Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah (ITQSHHB) bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-245, malam tadi.

Menurut Awang Muhammad Tsuufiy, sabar ialah terus melakukan perkara yang benar walaupun hati kita sedang berat. Apabila seseorang belajar bersabar, sekurang-kurangnya tiga perkara besar akan lahir dalam dirinya. Kongsi beliau, pertama, sabar melahirkan kekuatan. Kedua, sabar melahirkan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-245.

kematangan. Ketiga, sabar membawa kepada kejayaan.

"Dahulu, seseorang yang mahu mendapatkan ilmu perlu mencari guru tetapi hari ini, ilmu berada di hujung jari. Dahulu, hiburan mempunyai batas tertentu tetapi hari ini, hiburan datang kepada kita tanpa henti. Inilah antara perjuangan generasi hari ini. Kita memerlukan sabar untuk menjaga masa, untuk menundukkan keinginan, untuk memilih perkara yang bermanfaat, dan untuk meninggalkan perkara yang melalaikan," jelasnya.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah para siswa graduan Hafut Takharruj 2026, ITQSHHB; Alumni ITQSHHB serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara. Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Muhammad Hassanul Jamsyir Ali



bin Jais, graduan Hafut Takharruj 2026, ITQSHHB yang bersiaran dari musolla institut berkenaan.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhamad Saleh, graduan Hafut Takharruj 2026, ITQSHHB, seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Awang Ahmad Syarif Ali bin Achmad Fahri, graduan Hafut Takharruj 2026, ITQSHHB.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafriyyah dipimpin oleh Awang

Hadif Nazhan bin Idris, graduan Hafut Takharruj 2026, ITQSHHB. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Solahuddin bin Bohari, graduan Hafut Takharruj 2026, ITQSHHB.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara

beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>.

HAYATI SIRAH RASULULLAH DALAM MEMPERKUKUHKAN KEIMANAN

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya diadakan petang tadi bertempat di Dewan Serbaguna, KHEDN.

Majlis anjuran Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan itu dihadiri oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Hafiz Nur Adib bin Haji Abdul Manaf.

CERAMAH Khas telah disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bertajuk 'Menghayati Sirah, Menyuburkan Aqidah' disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Ceramah antara lain mengajak orang ramai untuk menghayati sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi:

- 1 dalam 5 kanser lelaki
- 1 dalam 10 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

Wasallam serta mengambil iktibar daripada akhlak, perjuangan dan kepimpinan Baginda dalam memperkukuhkan keimanan dan menyuburkan aqidah.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Marhaban oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan.

Turut hadir, Yang Berhormat

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu-penghulu mukim dan ketua - ketua kampung; Setiausaha-setiausaha Tetap, KHEDN; ketua-ketua jabatan; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung; serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Akhlak mulia Rasulullah asas pembentukan keperibadian baik



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Kepentingan mencontohi akhlak mulia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai asas dalam membentuk keperibadian yang baik, melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab serta memupuk keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat merupakan antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah', yang diadakan sempena Majlis Sambutan

Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) serta jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Ceramah khas berkenaan disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Beliau antara lain

juga menekankan bahawa kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hendaklah diterjemahkan melalui penghayatan sunnah dan akhlak Baginda dalam kehidupan seharian, termasuk mengamalkan sifat amanah, jujur, adil dan berakhlak mulia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta dalam hubungan sesama manusia.

Ceramah turut menyentuh mengenai kepentingan untuk sentiasa bermuhasabah dan memperbaiki diri ke arah membentuk peribadi dan akhlak yang lebih baik, di samping

YANG Berhormat Pemangku Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

meningkatkan ilmu serta memelihara adab dalam setiap aspek kehidupan, termasuk ketika berinteraksi melalui media sosial dengan menghindari perbuatan menghina, memfitnah dan mendedahkan aib orang lain.

Dalam pada itu, setiap individu juga diseru untuk mewujudkan persekitaran yang positif dan saling mendukung ke arah meningkatkan keimanan, ketakwaan dan kesejahteraan bersama.

Majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KEPI ini dihadiri oleh Pemangku Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus, selaku tetamu kehormat.

CERAMAH khas di majlis tersebut telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KEPI, termasuk jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh gabungan pendikir KEPI.

Majlis yang diunkayahkan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan ini merupakan antara aktiviti tahunan KEPI dalam menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping memperkukuh penghayatan terhadap sirah dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga kementerian dan jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawahnya.



HOSPITAL RIPAS KINI DILENGKAPI SISTEM PENGIMEJAN DXA TERKINI



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian sistem tersebut.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Acara kemudian diteruskan dengan sesi penerangan mengenai sistem tersebut, termasuk fungsi dan keupayaannya dalam menyokong pemeriksaan kesihatan tulang serta analisis komposisi badan.

Pengenalan sistem DXA terkini ini merupakan sebahagian daripada projek menaik taraf penyediaan perkhidmatan pengimejan diagnostik di Hospital RIPAS.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kementerian Kesihatan untuk terus mempertingkatkan kualiti, keupayaan dan kecekapan perkhidmatan diagnostik, melalui penggunaan teknologi perubatan

yang lebih maju, dengan matlamat untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, selesa dan berfokuskan kepada keperluan pesakit.

DXA merupakan kaedah pemeriksaan yang menggunakan pancaran sinar-X berdos rendah untuk mengukur ketumpatan mineral tulang (*bone mineral density*) serta menganalisis komposisi badan.

Pemeriksaan ini memainkan peranan penting dalam menilai kesihatan tulang dengan memberikan maklumat mengenai kandungan mineral dalam tulang, termasuk mineral seperti kalsium, serta ketumpatan dan kekuatan tulang.

Imej dan analisis yang

dihasilkan melalui pemeriksaan DXA dapat membantu para profesional kesihatan dalam menilai jisim dan kekuatan tulang, mengenal pasti risiko keretakan tulang serta menyokong diagnosis keadaan seperti osteoporosis dan osteopenia.

Pemeriksaan DXA juga boleh digunakan untuk memantau perubahan kesihatan tulang dan menilai keberkesanan rawatan dari semasa ke semasa.

Dengan pengenalan sistem DXA terkini ini, Hospital RIPAS diperkukuhkan lagi dengan teknologi diagnostik yang lebih canggih bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan tulang.

Perasmian sistem ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kesihatan dalam mempertingkatkan keupayaan perkhidmatan kesihatan melalui penerapan teknologi perubatan yang lebih maju, dengan hasrat untuk menyokong diagnosis yang lebih tepat, perawatan yang lebih berkesan serta seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup pesakit.

Sistem pengimejan DXA yang diperkenalkan oleh Jabatan Radiologi, Hospital RIPAS ini merupakan satu-satunya sistem seumpamanya yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, sekali gus memperkukuhkan lagi keupayaan negara dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan dan penilaian kesihatan tulang.

Majlis diakhiri dengan sesi demonstrasi dan penerangan kepada tetamu kehormat

mengenai sistem DXA yang baharu diperkenalkan, termasuk fungsi dan penggunaannya dalam

menyokong penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai.

HBL dilanjutkan susulan keadaan kualiti udara semasa

Siaran Akhbar : Kementerian

Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan dan KHEU ingin memaklumkan mengenai langkah-langkah bagi pelajar-pelajar sekolah menengah yang akan menduduki peperiksaan awam semasa keadaan jerebu. Bagi memastikan kesejahteraan dan kemaslahatan para pelajar sentiasa terpelihara sepanjang peperiksaan berlangsung, jabatan-jabatan berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan persekitaran institusi pendidikan, khususnya tempat peperiksaan berada dalam keadaan yang kondusif dan selamat.

Para pelajar sekolah menengah yang akan menduduki peperiksaan masing-masing bagi mengikuti sesi ulang kaji serta pengukuhan pembelajaran dan pengajaran sebagai persediaan menghadapi peperiksaan; para pelajar yang dijadualkan menduduki peperiksaan awam adalah dikehendaki hadir ke institusi pendidikan masing-masing mengikut tarikh dan waktu peperiksaan yang telah ditetapkan sahaja. Ibu bapa dan penjaga adalah disarankan untuk menghantar pada waktu peperiksaan yang dijadualkan dan mengambil setelah peperiksaan selesai dijalankan.

Bagi institusi pendidikan kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU, peperiksaan akan dilaksanakan di dewan atau ruang yang mempunyai kemudahan penyaman udara. Bilik atau ruang khas lain yang digunakan bagi tujuan peperiksaan, seperti Makmal Sains, bilik Food and Nutrition serta bilik Design and Technology, kemudahan tambahan seperti penapis udara (*air filters*) dan alat penyejuk udara (*air coolers*) akan disediakan mengikut keperluan dan kesesuaian institusi pendidikan masing-masing.

Para pelajar yang hadir ke institusi pendidikan dan yang menduduki peperiksaan awam juga disarankan untuk memakai sungkup muka yang bersesuaian terutamanya bagi pelajar berisiko tinggi seperti mempunyai masalah paru-paru dan jantung khususnya semasa berada di luar bangunan. Pihak institusi pendidikan juga akan menyediakan sungkup muka sebagai langkah tambahan bagi pelajar yang memerlukan.

Para pelajar juga dinasihatkan untuk memastikan pengambilan air minuman yang mencukupi dan sentiasa mematuhi arahan serta langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan sepanjang berada di institusi pendidikan; para pelajar yang mempunyai masalah pernafasan seperti asma hendaklah sentiasa membawa ubat-ubatan yang diperlukan ke sekolah; dan institusi pendidikan kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan mengenai pelaksanaan peperiksaan lisan dan bertulis dari semasa ke semasa.

Kementerian Pendidikan dan KHEU merakamkan penghargaan atas kerjasama dan perhatian para pelajar, ibu bapa dan penjaga serta seluruh warga institusi pendidikan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan pembelajaran dan peperiksaan sepanjang tempoh berkenaan.

Timbalan Mufti Kerajaan bertolak ke Jeddah hadiri seminar antarabangsa



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, selaku ahli tetap Akademi Fiqh Islam Antarabangsa, akan menghadiri seminar di Jeddah. Turut menghadiri bersama beliau ialah Pegawai Istibat Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Md. Daud.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, selaku ahli tetap Akademi Fiqh Islam Antarabangsa bertolak ke

Jeddah, Kerajaan Arab Saudi hari ini bagi menghadiri seminar 'Peranan Pemimpin Agama dalam Menangani Keganasan Terhadap Wanita'.

Turut mendampingi beliau ke seminar tersebut ialah Pegawai


Istinbat Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Md. Daud.

Seminar bertaraf antarabangsa ini dianjurkan oleh Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (International Islamic Fiqh Academy) dengan kerjasama Liga Dunia Islam (Muslim World League) dan akan berlangsung pada 7 September 2026 Masihi bersamaan 25 Rabiulawal 1448 Hijrah di sebuah hotel di Jeddah.

Seminar sehari ini bakal mengumpulkan pakar serta tokoh agama antarabangsa untuk membincangkan pelbagai kertas kerja utama mengenai konsep, punca, dan bentuk keganasan terhadap wanita.

Perbincangan juga menumpukan kepada peranan dan rujukan syarak dalam membetulkan kefahaman yang salah, serta strategi pendekatan kemasyarakatan, institusi, media, dan antarabangsa dalam pencegahan dan menangani isu berkenaan.

Penyertaan ini membuktikan komitmen berterusan Negara Brunei Darussalam dalam menyumbang pandangan syariah bagi isu-isu kemanusiaan dan sejagat di peringkat global.



KETENGGAHKAN BAKAT, KREATIVITI DALAM MASAKAN, PENYEDIAAN MAKANAN, GUBAHAN

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga berpeluang melihat secara langsung Pertandingan Memasak Udang Galah yang disertai oleh tiga buah keluarga, dengan setiap keluarga diwakili tiga ahli keluarga.

Pengerusi Persatuan PERTIWI Daerah Temburong, Dayang Hajah Halimah binti Haji Abu Salam dalam ucapannya antara lain berkata, melalui pameran berkenaan, para peserta berpeluang mengetengahkan kepakaran, bakat dan kreativiti masing-masing khususnya dalam bidang masakan, penyediaan makanan dan gubahan.

Pameran berkenaan tambahnya, bukan sahaja menjadi medan untuk menguji kecekapan dan kreativiti para peserta dalam mengolah resipi

YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kanan). Tetamu kehormat majlis juga berpeluang melihat secara langsung Pertandingan Memasak Udang Galah (bawah kiri).



serta menghasilkan hidangan yang menarik, bahkan turut menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kerjasama dan memperkukuh hubungan dalam kalangan ahli persatuan serta kaum wanita di daerah ini.

Dengan adanya pameran seumpama berkenaan secara tidak langsung menjadi platform kepada para peminat gubahan dan masakan untuk mengetengahkan kepakaran, bakat dan kreativiti masing-masing khususnya dalam bidang masakan, penyediaan makanan dan gubahan.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Naib Yang Dipertua Persatuan PERTIWI, Dayang Hajah Ramlah binti Haji Abdul Ghani; serta ahli-ahli Persatuan PERTIWI Daerah Belait, Tutong dan Temburong.



Memperluaskan promosi pelancongan NBD di peringkat serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



KOTA KINABALU, SABAH, Sabtu, 5 September. - Brunei Coffee Trail dibuka secara rasmi kelmarin bersempena Ekspo Antarabangsa Sabah (Sabah International Expo) Ke-11 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di Kota Kinabalu.

Ekspo ini mengundang para pengunjung untuk mengenali Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui suasana kopi dan *matcha*, produk keluaran tempatan serta tawaran pelancongan negara.

Majlis pembukaan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, iaitu Timbalan Ketua Menteri III Sabah dan Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan

Sabah, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick; dan Setiausaha Tetap (Industri) di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, NBD, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Empat perusahaan kopi dan *matcha* dari NBD mengambil bahagian dalam acara ini, iaitu Coffee Up!, Kasane, Jumba Coffee & Roastery, dan Mumba Dai Kofe. Setiap perusahaan menyajikan campuran istimewa, minuman kopi khusus serta minuman hasil tangan mereka sendiri.

Para pengunjung juga berpeluang mengetahui dengan lebih lanjut mengenai usaha Balai

SETIAUSAHA Tetap (Industri) di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim hadir menyempurnakan majlis pembukaan berkenaan.

Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Artisan Abadi, Eco Ponies Garden dan Skinny Meal. Para peserta pameran ini mengetengahkan produk tempatan, warisan serta pengalaman yang boleh dinikmati oleh para pengunjung di NBD.

Turut diketengahkan ialah Impressionist Landscape Art & Immersive Exhibition di BKISHHB. Pameran yang baru-baru ini dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, menampilkan karya-karya bersejarah oleh pelukis-pelukis terkenal aliran impresionisme.

Pameran tersebut memberikan satu lagi pengalaman kebudayaan kepada para pengunjung ketika Brunei terus memperluas tawaran pelancongannya menjelang Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027).

Diadakan serentak dengan Brunei Coffee Trail, Roadshow Tahun Melawat Brunei 2027 di Kota Kinabalu memperkenalkan kepada para pengunjung pelbagai sisi NBD. Dapada alam semula jadi dan warisan Islam kepada

makanan tempatan, hospitaliti serta tarikan kebudayaan, *roadshow* ini mengetengahkan pelbagai pengalaman untuk peminat aktiviti luar, pencinta budaya, keluarga, pelancong santai serta mereka yang merancang percutian singkat.

Dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, NBD, acara ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan jabatan berkenaan untuk memperkenalkan budaya kopi dan *matcha* Brunei kepada khalayak yang lebih luas di peringkat serantau.

Ia turut menyokong matlamat yang lebih besar untuk menjadikan NBD sebagai destinasi yang menarik kepada para pelancong dari Malaysia.

Brunei Coffee Trail pada tahun ini di Kota Kinabalu membawa

kepentingan yang lebih besar dengan adanya jerayawara Tahun Melawat Brunei 2027, yang bertujuan menggalakkan lebih ramai pelancong dari rantau ini dan antarabangsa untuk menerokai negara tersebut.

Orang ramai yang menghadiri Ekspo Antarabangsa Sabah Ke-11 adalah dialu-alukan untuk mengunjungi Pavilion NBD di SICC sehingga 6 September 2026, dari 10.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari.

Pelbagai aktiviti disediakan, termasuk sesi mencuba kopi dan *matcha*, demonstrasi penyediaan minuman secara langsung, permainan interaktif dan banyak lagi.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut serta perkembangan terkini, orang ramai boleh mengikuti akaun Instagram rasmi Brunei Tourism di @brunei.tourism.



PARA pengunjung semasa melawat pavilion Negara Brunei Darussalam di Ekspo Antarabangsa Sabah Ke-11, di SICC, Kota Kinabalu.

UNISSA ANJUR CERAMAH SEMPENA MAULIDUR RASUL

Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi Program Ceramah Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Dewan Auditorium, Kampus UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) menganjurkan Program Ceramah sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bertajuk 'Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Panduan Membina Insan Berkualiti' berlangsung di Dewan Auditorium, Kampus UNISSA, Gadong, baru-baru ini.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Profesor Adjung Fakulti Usuluddin UNISSA, Profesor Dr. Abdul Somad.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rector UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani. Turut



hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama universiti, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan, serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Dalam ceramahnya, Profesor Dr. Abdul Somad menekankan kepentingan menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai suri teladan dan

pedoman utama dalam kehidupan, khususnya melalui penghayatan dan pengamalan sunnah Baginda serta pembentukan akhlak mulia dalam usaha melahirkan insan yang berkualiti.

Beliau turut menjelaskan bahawa kualiti seseorang insan tidak hanya diukur melalui pencapaian akademik, kedudukan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

atau kemahiran semata-mata, bahkan turut bergantung pada keseimbangan antara iman dan takwa, penguasaan ilmu, kemuliaan akhlak serta hubungan yang kukuh dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Program tersebut antara lain

bertujuan meningkatkan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di samping memperkukuh kefahaman warga UNISSA mengenai kepentingan sunnah sebagai panduan dalam pembentukan sahsiah, kepimpinan dan kehidupan seharian.

Resolusi Dialog Teluk Brunei Ke-12 tekankan pemartabatan bahasa, sastera

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Sabtu, 5 September. - Dialog Teluk Brunei Ke-12, 2026, anjuran Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kumpulan Putra Seni (KPS), yang berlangsung selama dua hari, di Balai Sarmayuda DBP berakhir hari ini dengan menyaksikan penyampaian Resolusi Dialog.

Majlis Penutup / Penangguhan Dialog Teluk Brunei Ke-12 tersebut disempurnakan oleh

Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Resolusi Dialog Teluk Brunei Ke-12 dibacakan oleh Ahli ASTERAWANI Brunei Darussalam, Dr. Hajah Kathrina binti Dato Paduka Haji Mohd. Daud.

Antara perkara yang dirumuskan ialah memelihara dan memartabatkan bahasa dan

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah hadir menyempurnakan Majlis Penutup / Penangguhan Dialog Teluk Brunei Ke-12.

sastera dalam mengangkat jati diri sebagai warisan bersama berbandukan akar sejarah ekologi dan sosial wilayah teluk Brunei termasuk memastikan kesinambungan usaha melalui pembinaan pelapis yang berwibawa dan komited melalui penyediaan mekanisme dan wadah bimbingan yang berterusan.

Selain itu, mengusahakan kajian dan penerbitan karya sastera terhadap persamaan naratif serantau; memperkukuh kerjasama strategik dan sinergi yang berterusan antara institusi sastera di wilayah teluk Brunei serta di peringkat antarabangsa melalui wadah media baharu bagi melestarikan hak milik budaya dan sejarah tanah air serta meningkatkan usaha dan membuka tawaran penulisan dalam majalah, jurnal dan wadah lain termasuk teknologi baharu di wilayah teluk Brunei.

Dengan tema 'Merentas Akar dan Sempadan : Kesusasteraan, Identiti dan Realiti Sosial Teluk Brunei', dialog menjadi wadah pertemuan penggiat bahasa, sastera dan budaya dalam memperkukuh hubungan serta



jaringan kesusasteraan serantau, khususnya dalam kalangan negara dan wilayah di sekitar Teluk Brunei.

Sepanjang dua hari penganjurannya, dialog mengetengahkan tiga sesi pembentangan kertas kerja dan sesi soal jawab, dengan penyertaan pembentang dari Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Penganjuran Dialog Teluk Ke-12 dihasratkan dapat

meneruskan kesinambungan hubungan kesusasteraan dan kebudayaan yang telah terjalin sejak hampir empat dekad, di samping memperkukuh jaringan kerjasama antara penggiat bahasa, sastera dan budaya di rantau ini.



ANTARA yang berucap pada majlis berkenaan.

جابتين فرانتين ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"Boleh percaya kan tu?"

"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"

"Iawah? Banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

DIALOG TELUK BRUNEI KE-12 PERKUKUH JARINGAN KESUSASTERAAN SERANTAU



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat di majlis pembukaan rasmi Dialog Teluk Brunei Ke-12, 2026.

Penulis Sabah (IPS), Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA), Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (PUTERA) serta Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

Penganjuran Dialog Teluk dari semasa ke semasa telah berjaya mengakrabkan hubungan dalam kalangan penulis, sarjana, budayawan dan penggiat sastera di wilayah Teluk Brunei, selain

menjadi wahana pertukaran pemikiran, pengalaman dan pengetahuan serta menyumbang kepada perkembangan persuratan dan mengetengahkan bakat penulis muda yang berpotensi.

Dalam rangka penganjuran Dialog Teluk Ke-12, satu mesyuarat turut diadakan bagi membincangkan dan menentukan persatuan atau negeri yang akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran Dialog Teluk seterusnya.

Penganjuran Dialog Teluk Brunei Ke-12 dihasratkan dapat meneruskan kesinambungan hubungan kesusasteraan dan kebudayaan yang telah terjalin sejak hampir empat dekad, di samping memperkukuh jaringan kerjasama antara penggiat bahasa, sastera dan budaya di rantau ini.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 5 September. - Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kumpulan Putra Seni (KPS) menganjurkan Dialog Teluk Brunei Ke-12, 2026, yang berlangsung selama dua hari, bermula hari ini hingga Sabtu, 5 September 2026, bertempat di Balai Sarmayuda, DBP.

Majlis pembukaan rasmi Dialog Teluk Brunei Ke-12, 2026 diadakan malam tadi dengan kehadiran Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Dialog pada tahun ini mengetengahkan tema 'Merentas Akar dan Sempadan:

Kesusasteraan, Identiti dan Realiti Sosial Teluk Brunei', yang menjadi wadah pertemuan para penggiat bahasa, sastera dan budaya dalam memperkukuh hubungan serta jaringan kesusasteraan serantau, khususnya dalam kalangan negara dan wilayah di sekitar Teluk Brunei.

Sepanjang dua hari penganjurannya, Dialog Teluk Brunei Ke-12 mengetengahkan tiga sesi pembentangan kertas kerja dan sesi soal jawab, dengan penyertaan pembentang dari Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Dialog Teluk merupakan kegiatan kesusasteraan serantau yang mula dilaksanakan di Labuan pada tahun 1987 dan dikelola

oleh Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA). Penganjurannya kemudiannya diteruskan di beberapa lokasi termasuk Bandar Seri Begawan, Limbang, Kota Kinabalu, Sipitang, Miri, Membakut dan Lawas.

Penganjuran Dialog Teluk pernah tertangguh berikutan pandemik COVID-19 sebelum diteruskan semula dan kini kembali diadakan di Bandar Seri Begawan pada tahun 2026.

Dialog berkenaan menghimpunkan penggiat bahasa, sastera dan budaya dari kawasan pesisiran Pulau Borneo, antaranya Miri, Bandar Seri Begawan, Limbang, Lawas, Labuan, Sipitang, Kuala Penyu, Membakut dan Kota Kinabalu.

Selain ASTERAWANI, antara persatuan dan kumpulan yang terlibat ialah Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA), Ikatan



SEKITAR majlis tersebut yang telah mengambil tempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Platform perkukuh hubungan masyarakat, rancakkan ekonomi setempat

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



TUTONG, Ahad, 6 September. - Acara Remember The Buster Autoshow Vol.3 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026, anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal dan Penapar, telah diadakan di kawasan Kompleks Pasarana dan Tamu Seramangun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis pada acara berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri, yang seterusnya menyempurnakan acara berkenaan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Tutong.

Acara berkenaan turut mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 85 buah kenderaan daripada para peminat dan komuniti automotif, sekali gus menyediakan platform bagi mereka



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan acara berkenaan (atas). Sebanyak 85 buah kenderaan daripada para peminat dan komuniti automotif menyertai acara tersebut, menyediakan platform untuk berkongsi minat serta mempamerkan kenderaan masing-masing (atas kiri).

untuk berkongsi minat, pengalaman serta mempamerkan kenderaan masing-masing.

Penganjuran acara berkenaan turut menjadi wadah dalam mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, sebanyak 65 buah reruai jualan turut disediakan yang menawarkan pelbagai jenis makanan, minuman dan produk tempatan. Penyediaan reruai-reruai berkenaan memberi peluang kepada peniaga tempatan

untuk mempromosi serta memasarkan produk dan hasil keluaran mereka kepada para pengunjung.

Penganjuran acara berkenaan turut memberikan impak positif kepada ekonomi setempat melalui peluang menjana pendapatan dan memperluas pasaran bagi para peniaga tempatan.

Kehadiran para pengunjung juga berpotensi meningkatkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan tempatan, sekali gus menyokong perkembangan aktiviti ekonomi serta penglibatan

komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, acara berkenaan bukan sahaja menyemarakkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026, malah turut menjadi platform bagi memperkukuh hubungan kemasyarakatan, menyokong peniaga tempatan serta merancakkan aktiviti ekonomi dan penglibatan komuniti setempat.

LAWATAN MUHIBAH PERKUKUH UKHUWAH ISLAMIAH BRUNEI-SABAH



MAJLIS dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Ketua Muslimah Masjid YSHHB dan diteruskan dengan ucapan balasan daripada Ketua Rombongan Persatuan SIS (kiri sekali dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) petang tadi menyambut ketibaan rombongan daripada Persatuan Suri Inspirasi Sabah (SIS) dalam satu program lawatan muhibah sempena memperingati Sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah 2026 Masihi bertempat di Masjid YSHHB.

Program ini bertujuan untuk mengukuhkan tali silaturahim dan ukhuwah islamiah antara ahli-ahli persatuan dari Sabah, Malaysia dengan warga Muslimah masjid dan takmir masjid serta masyarakat tempatan Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Ketua Muslimah Masjid YSHHB, Dayang Razimah binti Aman dan diteruskan dengan ucapan balasan daripada Ketua Rombongan Persatuan SIS, Hajah Rahimah binti Haji Sulong.

Kemuncak majlis diserikan dengan Ceramah Khas Sempena Maulidur Rasul 1448 Hijrah 2026 Masihi yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang.

Dalam ceramah berkenaan, beliau menekankan kepentingan



CERAMAH Khas telah disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (kanan). Sementara gambar atas, antara para Muslimah yang hadir di acara tersebut.



Pihak Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah Masjid YSHHB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kunjungan Persatuan SIS dan berharap jaringan ukhuwah rentas sempadan ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang.

meneladani akhlak dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan bermasyarakat serta memperkasakan peranan wanita Muslimah masa kini.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan dan cenderahati kenang-kenangan. Turut dilengkapi sesi gambar ramai bersama para jemputan khas, dan bacaan Doa Selamat sebagai penutupan majlis yang dipimpin oleh Ketua Imam, Masjid YSHHB, Awang Haji Jalaluddin Jamil bin Mohd. Kushairi Azam.

Program diakhiri dengan jamuan ringan dan sesi ramah mesra.

جانب كاجي جواروفي دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Kempen Kebersihan pupuk semangat gotong-royong

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Ihsan : Majlis Perundingan Kampung Bolkiah 'A'



KEMPEN kebersihan tersebut meliputi kawasan dalam dan luar Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah termasuk kawasan tempat letak kereta Kampung Bolkiah 'A' dan persekitarannya. Kira-kira 40 peserta hadir menyertai bergotong-royong di kempen berkenaan (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Semangat gotong-royong dan keprihatinan terhadap kebersihan persekitaran terus dipupuk dalam kalangan masyarakat melalui Kempen Kebersihan Kampung Bolkiah 'A' dan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) serta kawasan sekitarnya.

Kempen yang berlangsung di Masjid YSHHB, Kampung Bolkiah 'A' dan sekitarnya disertai kira-kira 40 peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid dan Muslimah Masjid YSHHB, para belia, Ahli Kejiranan Kampung serta Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Zon 4 Kampung Ayer.

Turut menyertai kempen berkenaan, Penghulu Mukim Zon 2 Kampung Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid; Pegawai Penguasa Balai Polis Kampung Ayer, Inspektor Abu Bakar @ Addam bin Haji Junaidi; dan Pemangku Ketua Kampung Zon 4 Kampung Ayer.

Aktiviti kebersihan meliputi kawasan dalam dan luar masjid, termasuk kawasan tempat letak kereta Kampung Bolkiah 'A' dan persekitarannya.

Hasil daripada aktiviti berkenaan, kira-kira 30 plastik sampah besar berjaya dikumpulkan, sekali gus mencerminkan komitmen para peserta dalam memastikan kawasan masjid dan persekitaran kampung sentiasa bersih, kemas dan selesa.

Kempen berkenaan merupakan aktiviti tahunan anjuran AJK Takmir Masjid YSHHB bersama MPK Kampung Bolkiah, yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek kebersihan, malah menjadi wadah mengeratkan silaturahim dan memperkukuh semangat kerjasama dalam kalangan penduduk.

Usaha berterusan seumpama berkenaan diharap dapat menyemai rasa tanggungjawab

bersama dalam memelihara kebersihan persekitaran, khususnya kawasan masjid sebagai tempat ibadah dan pusat kegiatan masyarakat.

Selain itu, inisiatif sedemikian bukan sahaja menjadikan kawasan masjid dan persekitaran kampung lebih bersih dan teratur, malah mencerminkan semangat kerjasama serta tanggungjawab bersama masyarakat dalam memelihara kebersihan dan kesejahteraan persekitaran.

جانب كاجي جواروفي دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

PANDU DENGAN PERLAHAN. KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49 68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

MENJAGA KEHORMATAN BENTUK KETAATAN YANG DICINTAI ALLAH



Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Kedudukan wanita sangat dipandang tinggi dan mulia di sisi agama Islam.

Sebagaimana pengajaran daripada Al-Quran dan Al-Hadith, telah meletakkan hak-hak wanita dengan sempurna sehingga wanita digambarkan memiliki kelembutan, keluhuran budi dan

sifat kasih sayang yang semula jadi.

Dalam hal ini, menjaga kehormatan adalah bentuk ketaatan yang sangat dicintai Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan sejajar dengan amalan ahli ibadah.

Para wanita hendaklah menjaga maruah, bersopan santun,



SEKITAR Program Dakwah Melalui Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadith di Jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Sesi Khas Sempena Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah 2026 Masihi, di Ibu Pejabat, JIPK, KHEDN (atas dan kiri).

berakhlak mulia, mempunyai nilai-nilai yang terpuji di samping sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, menjaga hati suami, menjaga nama baik ibu bapa dan keluarga.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Norashibah binti Haji Besar pada

Program Dakwah Melalui Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadith di Jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Sesi Khas Sempena Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah 2026 Masihi, yang berlangsung di Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri.

Sesi Tadabbur bertajuk 'Peringatan untuk Wanita' dihadiri oleh pegawai serta kakitangan wanita, JIPK.

Dalam sesi berasingan yang dihadiri oleh pegawai serta anggota wanita, Jabatan Bomba dan Penyelamat pula, Sesi Tadabbur bertajuk 'Integriti Berteraskan Sabar dan Solat: Tadabbur Surah Al-Baqarah Ayat 153' serta 'Kemuliaan Akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Penolong Ra'es II (Hal Ehwal Akademik), Dr. Norasimah binti Haji Omar, dan Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, KUPU SB, Dayang Hajah Tiara binti Haji Basman.

Program dakwah kelolaan Fakulti Usuluddin, KUPU SB ini antara lain bermatlamat untuk memperluaskan sasaran dakwah ke seluruh negara termasuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Program ini juga bertujuan mendedahkan pegawai, kakitangan dan juga masyarakat awam dengan Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadith sebagai rujukan kehidupan seharian.

22 murid Darjah VI sertai Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Seramai 15 murid Darjah VI, terdiri daripada lapan lelaki dan tujuh perempuan menyertai Majlis Khatam Al-Quran bagi Murid-murid Darjah VI Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Kampung Saba Darat 'B', Awang Haji Mayalin bin Haji Saat yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara. Selepas itu, majlis diikuti dengan bacaan bermula daripada Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas oleh para peserta khatam.

Bacaan Takhtim kemudiannya dipersembahkan oleh gabungan murid Darjah IV dan V yang diketuai oleh salah seorang tenaga pengajar, Dayang Hajah Martini binti Mohd. Salleh, diikuti bacaan Doa Khatam oleh Awang Amizuddin bin Hasri.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang disebarkan daripada gabungan murid Darjah IV dan V diketuai oleh Awang Rezal bin Haji Othman.

Acara kemudiannya diteruskan dengan menabur bunga rampai serta penyampaian sijil kepada 22 murid yang menyertai khatam, yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis, diikuti para pegawai, ibu bapa atau penjaga peserta dan guru-guru.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Imam Balai Ibadat Kampung Saba, Awang Mohd. Sahrin bin Haji Matnoor. Dalam pada itu, kejayaan para murid mengikuti majlis khatam tersebut adanya daripada usaha

KETUA Kampung Saba Darat 'B', Awang Haji Mayalin bin Haji Saat hadir selaku tetamu khas majlis, dan juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara berkenaan.

berterusan pihak sekolah dalam memupuk amalan membaca Al-Quran.

Sejak awal tahun, para murid telah dibimbing untuk membaca Al-Quran setiap hari sebelum sesi pembelajaran bermula, dengan sekurang-kurangnya dua muka surat bacaan yang dipantau oleh guru kelas masing-masing.

Pihak sekolah turut melaksanakan Program Anak Angkat khusus bagi murid Darjah VI, di mana setiap guru memantau perkembangan dua hingga tiga orang murid selain menyediakan buku catatan bacaan Al-Quran bagi merekod bacaan harian para murid.

Usaha tersebut mendapat sokongan padu daripada para guru yang sentiasa memberikan dorongan serta menyemai kesedaran dalam kalangan murid mengenai kelebihan dan manfaat membaca Al-Quran.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan diharap dapat menjadi wadah untuk menyemai kecintaan para murid terhadap Al-Quran, di samping membentuk amalan membaca dan menghayati Al-Quran secara berterusan dalam kehidupan seharian.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 9 September 2026
2. 'Waspada Banjir: Persediaan Menghadapi Musibah'. Tarikh Tutup : 16 September 2026
3. 'Amalan Gaya Hidup Lestari dalam Menghadapi Perubahan Iklim'. Tarikh Tutup : 23 September 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

سورابروني

توجوه ديكد فنديدين اوكام فورمل: ايوولوسي، ترنسفورماسي دان ليكاسي

ماناكلا، "ترنسفورماسي" قولا منكنن اوسها برتروسن اونتوق
مقربهاروي دان مفركوكة فنديدين اوكام اكر ككل ريلون دالم ايرا
كلوباليساسي دان تيكنولوجي، تنقا مغوربانكن اساس عقيدة، شرعية دان
اخلاق. سمنتارا ايت، "ليكاسي" مروجوع كقد وارثن دان اساس كوكوه يغ تله
دينا سحق قنوبوهن فنديدين اوكام فورمل. اي مليقوتي اوسها كيكيه فارا
علماء، فنديدين دان قميمقين دالم ممنتوق سيستم فنديدين يغ برترسكن القرآن
دان السنة.

جماعه يغ درحمي الله،

ماريله كيت بردعاء سوك سكللا اوسها دالم مرتبتكن فنديدين اوكام
دنكارا بروني دارالسلام منداقت كبركن درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سِرْتَا تروس
ملاهركن جنراسي يغ برعلمو، برلمان، برعمل، برأخلاق موليا دان ممقو
ميريكن منفعت كقد اوكام، بغسا دان نكارا، آمين يا رَبِّ الْعَالَمِينَ.

باجله (واهاي ني محمد) دغن (مبيوت) نام توهنمو يغ منجيتاكن (سكالين
مخلوق). دي تله منجيتاكن مانسي درقد سكومقل داره بكو. باجله، دان توهنمو مها
قموره. يغ مغاجر (مانسي منوليس) دغن قلم (فينا). دي مغاجر مانسي اف يغ تيدق
دكتاهوين. {سورة العلق آية ١-٥}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيكتكن كلمانن كقدن.
مسوگوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيبي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فالينغ
برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله
كحيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

علمو ايله انوكره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يغ امت بسر نيلاين باكي كيت. علمو
بوكن سقدر منمبه فغتهاوان، بهكن منجادي اساس فنتيغ يغ مغاغت كدرجة،
مبيننا مرواه ديري، دان منجادي فندوان هيدوف كيت ددنيا سهيكتله كأخيرة.
اقبيل كيت بريجارا تنتغ علمو دان فنديدين، فنديدين اوكام ممقوياي فران
يغ امت فنتيغ. فنديدين اوكام بوكن سقدر ميمقاين فغتهاوان تنتغ اوكام.
فنديدين اوكام ميمبيغ مانسي سوقي علمو يغ دثلاجري دترجهكن دالم
كهيدوفن ملالوي فغحياتن ايمان، فلفسانان عبادة دان كموليان اخلاق.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، قد تاهون اين كنقله ٧٠ تاهون فنديدين اوكام فورمل دنكارا
بروني دارالسلام دغن تيمما: توجوه ديكد فنديدين اوكام فورمل: ايوولوسي،
ترنسفورماسي دان ليكاسي. "ايوولوسي" مغكميركن فروبهن دان فركمين يغ
برلاكو دالم سيستم فنديدين اوكام فورمل سلارس دغن كقرلوان سماس. دري
سيستم يغ سدرهان قد فريغت اول، فنديدين اوكام تله بركمينغ كقد
ستروكتور يغ ليه ترسوسون دان مبلوروه.

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1. **iklan jawatan kosong** | **Kalendar saya** | **kedudukan permohonan** | **aduan saya**

2. **Status Permohonan Kerja**

Bagian	Status	Uraian
P	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
P	PROSES PERAKSIAN	...
P	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
P	TIDAK HADIR	...
P	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	...
P	PERMOHON DITERIMA	...

3. **Ujian** | **Temu Duga**

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 111 / 26-27
Term Contract Of Thirty-Six (36)
Months For Maintenance Of Fire
Extinguishers Under Radio
Television Brunei

Bayaran Yuran:

BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu, 16 September 2026
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 110 / 26-27
Construction Of A New Parking
Area At Radio Television Brunei
Broadcasting Complex,
Sungai Akar (Phase 2)

Bayaran Yuran:

BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu, 16 September 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan
dan Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2026 / LSAU /
INTEL / TA / 001
To Supply and Install Rental
Equipments in Conjunction with
Brunei - Singapore Golden
Jubilee Defence Relations

Yuran Tawaran:

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 15 September 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
22 September 2026
2.00 Petang



**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

KEPI / BKSM / JKSH / ASET /
05 / 2026-2027
Supply, Installation, Testing And
Commissioning Of A Professional
Sound Reinforcement System For
Setia Pahlawan Hall, Ground
Floor, Ministry Of Economy,
Trade And Industry

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
1 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

27 / SEPT / 2026 / KKBS /
PJK / 16.14 (7)
Upgrading Work To PABX System
Inclusive Of Twenty-Eight (28)
Months General Term
Maintenance At Ministry Of
Culture, Youth And Sports
Building, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
24 September 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
26 / SEPT / 2026 / KKBS /
PJK / 16.43

Tajuk Sebut Harga:

Thirty-Six (36) Months Term
Contract For General Pest Control
Services At Main Office Outward
Bound Brunei Darussalam
(OBBD) Building Bandar Seri
Begawan, Batang Duri Camp And
Belalong Camp, Outward Bound
Brunei Darussalam (OBBD)
Temburong, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
24 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 21
Provision Of Event Management
Services For The VBY2027
Calendar Of Events Launch
And Related Events

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
24 September 2026,
Jam 2.00 Petang

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 22
Provision Of Integrated Digital
Marketing Services For The
10th Brunei December Festival

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 23
Provision Of Integrated Digital
Marketing Services For
The Domestic Tourism
Campaign 2026-2027

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
1 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 24
Term Contract For Graphic
Design Services 2026-2027

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
15 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 56 / 2026
Membekalkan Kayu (Jenis Kapor)
Bagi Membaik Pulih
Jambatan-Jambatan Kampong
Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
22 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery Of UPS



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Unit Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam
Sekitar (HSSE)
Kementerian Hal Ehwat Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

KHEU / HSSE / 85 / RFP /
2026-2027

Tawaran Kawalan Keselamatan
Bangunan-bangunan Di Bawah
Kementerian Hal Ehwat Ugama
(KHEU)

- KHEU / HSSE / 85 / ITQSHHB /
2026-2027: Institut Tahfiz
Al-Quran Sultan Haji Hassanal
Bolkiah (ITQSHHB)
- KHEU / HSSE / 85 / STA HB /
2026-2027: Sekolah Tinggi Arab
Hassanal Bolkiah (STA HB)
- KHEU / HSSE / 85 / MIB /
2026-2027: Mahad Islam Brunei
(MIB)
- KHEU / HSSE / 85 / PDI /
2026-2027: Pusat Dakwah
Islamiah (PDI)
- KHEU / HSSE / 85 / SA RIPAD /
2026-2027: Sekolah Arab Raja
Isteri Pengiran Anak Damit (SA
RIPAD)
- KHEU / HSSE / 85 / SASHHB /
2026-2027: Sekolah Arab Sultan
Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB)
- KHEU / HSSE / 85 /
SUAMPRIPAHS / 2026-2027
:Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha
(SUAMPRIPAHS)

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



Control Module For ADS-B/WAM
System, Aeronautical
Telecommunication Services,
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2026 / SH-16

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
16 September 2026
(Tidak lewat jam
2.00 Petang)



**JABATAN
BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JBP / TSH / 05 / 2026-2027
Kontrak Berpenggal Bagi
Kerja-Kerja Pemotongan Rumput,
Pemotongan Dahan Pokok Dan
Membersihkan Longkang
Kawasan Dan Sekitar Kawasan
Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan
Penyelamat, Jalan Lapangan
Terbang Lama Berakas Bagi
Tempoh 36 Bulan
- Retender -

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JBP / TSH / 12 / 2026-2027
(Towing)
Thirty-Six (36) Months Service
Contract For The Towing Of All
BFRD Vehicles

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
10 September 2026
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Bilangan
7 / 2026-2027
Site Survey, Supply Configure And
Deployment Of Enterprise Grade
End-To End High Coverage Mesh
Wi-Fi Network For Land
Department (Headquarters &
District Land Offices) And
Documentation (Network
Topography)

Bilangan:
8 / 2026-2027
Migration Of The Land
Department Database (LANDDB)
From The Ministry Of
Development's Database Server
To The Land Department's
Database Server

Tarikh Tutup:
8 September 2026
Selasa,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II atau III

Kategori:
S01 dan S02

Tarikh Buka Tawaran pada:
Isnin,
7 September 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
29 September 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
6 Oktober 2026
Sebelum Jam 2.00 petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / ADM / T031 / 2025 (R)
Provision Of Janitorial Services
For Department Of Environment,



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Tawaran
Jabatan Daerah Brunei
Dan Muara,
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JDBM / LTK-010 / 2026

Tawaran:
Pakej Pembaikpulihan Jeti
Kampung Ayer Di Bawah Kawalan
Jabatan Daerah Brunei Dan
Muara Untuk Tempoh Dua (2)
Tahun, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



Park And Recreation Building,
Airport Lama Berakas For A
Period Of Three (3) Years.

No. Projek:
JASTRE / ADM / T031 / 2025 (R)

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUUMM /
CONTRACT / 2026 / 8 / 1
**Quotation For Supply, Delivery
And Installation Of Furnishes
And Fixtures For Hallways At
The First Floor, Law Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, BA1910,
Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Installation
Of Workstation For Aviation
Security Section,
Department Of Civil Aviation
AVSEC / 2026 – 2027 / SH-10

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Rabu, 9 September 2026,
Sebelum Jam 10.00 Pagi

Tarikh Tutup Sebut Harga:



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(83) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)
Mencetak Kalendar
Jabatan Penerangan Tahun 2027

Yuran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
10 September 2026
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JKP / LTK / 2026-2027 / 14
Event Management Services For
World Travel Market, London,
United Kingdom 3-5 November

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 22 September 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



Rabu,
9 September 2026,
Sebelum Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga:**
17 / JPB / SH / 2026
Perkakas Dan Peralatan Jahitan
Bagi Institusi Penjara Maraburong
Fasa 1

**Bayaran Yuran Tawaran /
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran /
Sebut Harga:**
Selasa,
8 September 2026
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga:**
JPB / 03 / 2026
To Supply, Install And
Commissioning Of The Smart
Weapon Storage (SWS) For
Jabatan Penjara

**Bayaran Yuran Tawaran /
Sebut Harga:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran /
Sebut Harga:**
Selasa,
8 September 2026
Jam 2.00 Petang





JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 September 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 27 / 2026

Nama Projek:
Membaikpulih Dan Menurap
Semula Lebuhraya Muara –
Tutong (Hala Muara)

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 28 / 2026

Nama Projek:
Membaikpulih Dan Menurap
Semula Lebuhraya Muara –
Tutong Di Antara KM20 Dan
Jejambat Berakas (Hala Muara)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 29 /
2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Di Kediaman
Rasmi Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
(2027)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
1 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 15 September 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 212 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 213 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 214 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 215 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 216 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 217 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 218 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 219 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 220 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 221 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 222 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 223 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 224 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 225 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 226 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 227 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 228 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 229 / 2026 / PHARM(TC)

Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 230 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 231 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 232 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 233 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 234 / 2026 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND1000.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 September 2026



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas: III atau IV

Kategori: S01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
8 September 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 15 September 2026
Jam 2.00 Petang



JASTRE / BKP / T013 / 2026
Perkhidmatan Kutipan Dan
Pembuangan Sampah Dari
Tapak Pengumpulan Sampah
Di Ayer Berkunchi, Kampong
Kasat Bagi Tempoh Tiga
(3) Tahun

No. Projek:
JASTRE / BL / T013 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan
dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
AP / TA / 001
Pembelian Kelengkapan Training
AIDS Technology Akademi
Pertahanan ABDB

**Rujukan Bilangan
dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
DEN / TA 001
Pembelian Dental X-Ray IT
System With ROMEXIS 7.0
Software Application And
Corresponding Hardware



(Client & Server)

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 8 September 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang

IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN yang hadir pada hari perasmian Hari Mastera dan Pelancaran Media Sosial Rasmi Instagram OPERA Peringkat Negara Brunei Darussalam bertempat di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa Pustaka. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

ANTARA pasukan yang menyertai Pertandingan Gulingtangan di antara Sekolah-sekolah Menengah, Maktab-maktab dan Pusat Tingkatan Enam Senegara 2026 yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro Canselor, Universiti Brunei Darussalam, Tungku Link. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

AKSI peserta pada perlawanan Festival Badminton Sekolah-sekolah Rendah Brunei Darussalam Tahun 2026 bagi Kategori Unified Lelaki yang berlangsung di Gelanggang Badminton Pusat Belia. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN daripada persembahan pada Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak sempena 25 Tahun Penubuhan TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB yang diteruskan dengan penganjuran Karnival Hari Keluarga yang diadakan di sekitar Kawasan sekolah tersebut. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

PERSEMPAHAN karate daripada Kelab Karate Sekolah Rendah YSHHB sempena Sambutan Jubli Perak sempena 25 Tahun Penubuhan TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB yang diteruskan dengan penganjuran Karnival Hari Keluarga yang diadakan di sekitar Kawasan sekolah tersebut. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



جوالن سالیئن گمبر ۲ دیکیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



Panaskan makanan dengan cara yang betul

DENGAN kesibukan kehidupan pada masa kini, ramai yang memilih untuk memasak dalam kuantiti yang banyak sekali gus dan memakannya secara berperingkat. Tidak kurang juga yang menyimpan lebihan makanan yang telah dimasak untuk dimakan pada hari akan datang. Oleh itu tabiat menyimpan dan memanaskan semula makanan telah menjadi rutin harian keluarga bekerja, pelajar, dan juga premis makanan.

Namun, apakah kita benar-benar memahami keperluan dan cara yang betul untuk memanaskan masakan pada zaman sekarang? Isu ini bukan lagi mengenai 'sedap atau tidak' makanan itu, tetapi yang lebih penting ia berkait rapat dengan kesihatan, keselamatan makanan dan penjimatan.

Ada langkah-langkah yang perlu diambil jika berhasrat untuk menyimpan lebihan makanan untuk digunakan pada hari lain. Menurut risalah dari Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) bertajuk 'Penyimpanan dan Pengendalian Daging dan Produk Daging Yang Selamat', daging dan produk daging yang dimasak hendaklah dibiarkan sejuk pada suhu bilik (tidak lebih dari dua jam) sebelum disimpan ke dalam peti sejuk dingin, pada suhu 5°C dan ke bawah. Jangan biarkan daging atau produk daging pada suhu bilik lebih dari dua jam kerana bakteria boleh membiak dengan cepat.

Letakkan daging masak atau lebihan masakan yang telah sejuk di rak paling atas dalam peti sejuk dingin. Asingkan daging mentah dan daging masak untuk mengelakkan pencemaran silang. Daging dan produk daging yang masak sedia untuk dimakan boleh bertahan dari tiga ke empat hari. Produk daging akan kekal selamat untuk dimakan pada tempoh tersebut, tetapi rasa dan kualiti mungkin akan terjejas. Sebaiknya buat label tarikh bagi setiap bekas. Ini bagi membolehkan kita mengenal pasti sudah berapa lama makanan tersebut berada di peti sejuk.

Jika berhasrat untuk membekukan, selepas memasak, sejukkan makanan (tidak lebih dari dua jam) sebelum dibekukan. Simpan dalam bekas kedap udara dan label dengan tarikh ianya dibekukan. Daging dan produk daging yang masak sedia untuk dimakan bertahan dari

dua ke tiga bulan. Produk daging akan kekal selamat untuk dimakan, tetapi rasa dan kualiti mungkin akan terjejas.

Aspek keselamatan makanan

Bagi mereka yang sering menyimpan lebihan makanan yang telah dimasak, aspek keselamatan makanan perlu dititikberatkan untuk mencegah keracunan. Suhu adalah kunci utama dalam keselamatan makanan. Bakteria seperti E.coli, Listeria, Campylobacter, Salmonella dan lain-lain boleh membiak dengan cepat pada suhu antara 5°C hingga 60°C. Lingkungan suhu ini adalah 'zon bahaya'.

Sebelum memanaskan makanan, sebaik sahaja makanan dikeluarkan dari peti sejuk, perhatikan keadaan makanan tidak ditumbuhi oleh kulat. Kulat yang tumbuh menandakan makanan telah rosak.

Menurut risalah dari BDFA, makanan yang dimasak dan disimpan perlu dipanaskan semula pada suhu yang betul sehingga mencapai 75°C (sehingga panas atau mendidih). Ini bertujuan untuk memusnahkan bakteria yang mungkin membiak semasa proses penyimpanan di dalam peti sejuk.

Tanpa pemanasan yang cukup, kita berisiko mengalami keracunan makanan walaupun makanan itu kelihatan dan berbau normal.

Memelihara kualiti rasa, tekstur

Zaman sekarang, kita bukan sahaja mahukan makanan yang selamat, tetapi juga sedap. Memanaskan dengan cara yang salah boleh merosakkan tekstur, misalnya memanaskan makanan menggunakan ketuhar gelombang mikro terlalu lama boleh membuatkan nasi jadi keras, ayam liat dan sebagainya.

Jika terus menggoreng tanpa proses nyahbeku terlebih dahulu, berkemungkinan bahagian luar makanan hangus sedangkan di sebelah dalam masih sejuk.

Kaedah yang betul seperti memanaskan secara perlahan di atas dapur, kukus, atau menggunakan air fryer dapat mengekalkan kelembapan dan rasa asal masakan. Ini penting untuk memastikan makanan yang dimakan semula tetap berkualiti.

Oleh : Norlia Md. Zain

Infografik : Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

Menjimatkan masa, tenaga

Gaya hidup moden kini sememangnya menuntut kecekapan. Segelintir orang akan membuat *batch cooking* atau memasak untuk kegunaan tiga ke empat hari. Oleh itu sebaiknya sediakan beberapa bekas agar kita dapat memanaskan masakan tadi pada kadar yang diperlukan sahaja buat hari tersebut. Ini kerana makanan yang telah dipanaskan hanya boleh dipanaskan sekali, dan ingat ia tidak boleh lagi disejukkan semula untuk kegunaan akan datang. Bekas yang digunakan juga hendaklah selamat, elak menggunakan bekas plastik yang tidak sesuai untuk ketuhar gelombang mikro, sebaiknya pilih bekas dari kaca atau seramik.

Dengan memanaskan semula makanan pada cara yang betul, kita dapat menjimatkan masa kerana tidak perlu memasak dari awal setiap hari; menjimatkan tenaga kerana kurang penggunaan gas dan elektrik berbanding memasak setiap kali dan yang paling penting kurang pembaziran makanan kerana lebihan lauk tidak perlu dibuang, dan ini selari dengan usaha negara pada mengurangkan *food waste*.

Bagi masakan yang dibekukan, proses nyahbeku juga mesti betul iaitu pindahkan dahulu masakan ke peti sejuk bahagian bawah semalaman, bukan di suhu bilik, kemudian barulah proses pemanasan dibuat.

Gunakan pelbagai kaedah untuk memanaskan masakan, seperti ketuhar gelombang mikro untuk cepat, dapur gas untuk rasa, air fryer untuk rangup, kukus untuk mengekalkan lembap. Jangan hanya panaskan dua minit, tanpa mengacauanya di pertengahan proses, menyebabkan pemanasan tidak sekata.

Orang zaman sekarang perlu tahu tentang cara panaskan makanan dengan selamat. Memanaskan masakan di zaman sekarang adalah satu kemahiran yang perlu. Ia adalah gabungan antara sains, rasa, dan gaya hidup. Ini juga satu langkah penting dalam memastikan keluarga kita makan dengan selamat, sihat, dan berbaloi.

Di tengah kesibukan, luangkan sedikit masa untuk memastikan makanan yang kita panaskan itu benar-benar panas dan selamat. Kerana kesihatan bermula dari dapur, dan dapur bermula dari cara kita menghargai makanan.

URUS LEBIHAN MAKANAN DENGAN SELAMAT

Simpan, Bekukan & Panaskan dengan Betul, Makanan Selamat, Keluarga Sihat

1 MENYIMPAN DALAM PETI SEJUK

Biarkan daging yang dimasak sejuk pada suhu bilik (tidak lebih dari dua jam) sebelum disimpan ke dalam peti sejuk dingin (suhu 5°C dan ke bawah).

Letakkan daging masak atau lebihan masakan yang telah sejuk di **rak paling atas** dalam peti sejuk dingin.

Boleh bertahan dalam peti sejuk dari **tiga ke empat hari**.

2 MEMBEKUKAN LEBIHAN MAKANAN

Selepas memasak, sejukkan makanan (tidak lebih dari **dua jam**) sebelum dibekukan.

Simpan dalam bekas kedap udara dan **label dengan tarikh** ianya dibekukan.

Daging dan produk daging yang masak sedia untuk dimakan bertahan dari **dua ke tiga bulan**.

LABEL & TARIKH untuk kawal kualiti & keselamatan

3 MEMANASKAN SEMULA DENGAN SELAMAT

Panaskan semula makanan pada suhu yang betul sehingga mencapai 75°C (sehingga panas atau mendidih).


Gunakan kaedah pemanasan yang betul bagi mengekalkan kelembapan dan rasa asal masakan.

Makanan yang telah dipanaskan hanya boleh dipanaskan sekali, tidak boleh disejukkan semula untuk kegunaan akan datang.

Kacau masakan yang dipanaskan pada pertengahan proses supaya pemanasan sekata.

Aspek keselamatan makanan perlu dititikberatkan untuk **mencegah keracunan**.

INGAT: Kebersihan tangan, peralatan dan permukaan juga penting untuk keselamatan makanan.



Gunakan AI sebagai alat memperkuat manusia bukan pengganti manusia

Pendahuluan

DALAM kegembiraan dan kegusaran yang mengiringi perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI), satu pertanyaan asas semakin kedengaran: Untuk siapa semua ini dibangunkan? Di tengah-tengah naratif tentang kecerdasan buatan timbul kebimbangan di mana AI mungkin akan menggantikan sebahagian daripada kerja-kerja yang biasa di buat manusia. Akan tetapi, perlu diingat AI tidak boleh mengganti manusia.

AI, tidak kira seanggih mana pun, tidak memiliki kesedaran atau pengalaman dalaman yang subjektif dan ianya juga tidak boleh merasa atau tidak mempunyai perasaan. Mesin dan teknologi AI boleh sahaja memproses simbol, tetapi manusia hidup dalam makna. Empati, intuisi moral, dan penghayatan estetik-seperti merasai kesedihan dalam puisi atau kegembiraan dalam pelukan-adalah domain eksklusif manusia yang mempunyai tubuh, hormon, dan sejarah peribadi. AI boleh mensimulasikan empati, tetapi ia tidak memilikinya.

Di sebalik kesedaran bahawa AI tidak boleh menggantikan manusia lahiriah konsep Kecerdasan Buatan Berteraskan Manusia. Ini bukanlah sekadar kata kunci pemasaran, tetapi satu peralihan falsafah dan teknikal yang meletakkan keperluan, nilai, dan kawalan manusia sebagai asas utama reka bentuk dan pembangunan teknologi AI.

Konsep ini menolak pandangan bahawa AI harus menggantikan manusia, sebaliknya menekankan peranannya sebagai alat yang memperkuat dan memperkuat agensi manusia.

Mengembalikan Manusia sebagai Pusat Teknologi

Peralihan kepada Kecerdasan Buatan Berteraskan Manusia didorong oleh kesedaran bahawa tumpuan berlebihan kepada prestasi dan autonomi semata-mata telah membawa kepada pelbagai masalah. Kesilapan lampau menjadi pengajaran penting. Antara kesilapan lazim dalam dunia nyata yang pernah terjadi dengan AI ialah Sistem AI melakukan kesilapan apabila sistem salah atau kurang memahami arahan atau prompt, mencipta maklumat palsu, atau tidak berfungsi dengan baik di tempat awam.

Sebagai contoh, seorang peguam menggunakan ChatGPT untuk penyelidikan dan mengemukakan dokumen mahkamah yang memetik kes-kes undang-undang yang benar-benar palsu direka cipta sepenuhnya oleh AI. Contoh lain ialah suara automatik di restoran makanan segera menghadapi masalah dengan loghat dan bunyi bisik latar belakang, sehingga secara tidak sengaja mengambil pesanan makanan yang salah dan kemudian, *chatbot* talian Hotline yang mengesyorkan amalan berbahaya seperti pengiraan kalori dan pengurangan berat badan kepada individu yang bergelut dengan

gangguan pemakanan kerana menggunakan maklumat yang di kumpul dari sumber yang bukannya datang dari sumber yang boleh dipercayai dan bukan dari pakar kesihatan dan pemakanan.

Daripada kesilapan seperti ini, konsep Kecerdasan Buatan Berteraskan Manusia muncul sebagai respons terhadap risiko seperti bias, kekurangan ketelusan, pelanggaran privasi, dan kehilangan kawalan manusia. Matlamatnya adalah untuk membangunkan AI yang bukan sahaja pintar, tetapi juga boleh dipercayai, boleh difahami, dan selamat untuk digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Seperti yang digariskan dalam garis panduan etika antarabangsa, AI perlu sentiasa berkhidmat untuk 'kebaikan bersama manusia' dengan memastikan kepemimpinan manusia tidak dilemahkan.

Pelaksanaan Kecerdasan Buatan Berteraskan Manusia melibatkan beberapa prinsip teras. Antaranya ialah keterbukaan dan ketelusan, kawalan manusia (*human-in-the-loop*), dan keadilan. Dalam mempraktikkannya, ini bermakna AI perlu direka untuk menjelaskan keputusannya, membenarkan manusia untuk campur tangan dan membetulkan kesilapan, serta diuji secara teliti untuk memastikan tiada diskriminasi. Aplikasi dunia sebenar menunjukkan bagaimana prinsip ini dijayakan. Sebagai contoh, GitHub Copilot direka sebagai pembantu penulisan kod, bukan pengganti; setiap cadangan mesti disemak dan diluluskan oleh pengaturcaraan manusia.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan


Foto : Ihsan Freepik

Dalam sektor perubatan, AI digunakan sebagai 'mata kedua' untuk membantu doktor menafsirkan imbasan, tetapi keputusan akhir kekal di tangan doktor. Pendekatan ini meningkatkan kecekapan tanpa menjejaskan tanggungjawab profesional.

Kesimpulan

Dalam bidang pendidikan, kaunseling, kejururawatan, dan kepimpinan, hubungan manusia-ke-manusia mempunyai dimensi fizikal: sentuhan, kontak mata, bahasa badan, dan kehadiran bersama. Kajian menunjukkan bahawa pesakit yang disembuhkan oleh doktor yang empati mempunyai kadar pemulihan lebih tinggi, bukan kerana ubat, tetapi kerana perasaan difahami. AI tidak boleh menggantikan kehadiran fizikal yang memberi rasa selamat dan dihargai.

Kegagalan AI untuk menggantikan manusia bukanlah kelemahan, tetapi kekuatan kerana ia memaksa kita mengakui bahawa nilai manusia terletak pada apa yang tidak boleh diukur, di kod, atau dipatenkan. Masa depan bukan tentang manusia berlawanan dengan mesin, tetapi tentang sinergi: AI mengendalikan pengiraan, pengulangan, dan ramalan statistik; manakala manusia membawa tujuan, etika, kreativiti, dan kasih sayang.



KEBAKARAN DI GUNUNG KILIMANJARO, TIDAK JEJASKAN AKTIVITI PELANCONGAN



DAR ES SALAAM, 5 Sept. - Gunung Kilimanjaro di utara Tanzania terbakar pada Khamis, dengan usaha mengawal kebakaran giat dijalankan, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan Taman Negara Tanzania (TANAPA), kebakaran tercetus kira-kira 3.30

petang waktu tempatan pada Khamis di kawasan Kikererwa dalam Taman Negara Kilimanjaro, berhampiran sempadan taman itu dengan Daerah Rombo di Wilayah Kilimanjaro.

Susulan kebakaran itu, TANAPA segera mengerahkan pasukan pemadam kebakaran

daripada pasukan pemuliharaannya bagi membendung dan mengawal keadaan.

Punca kebakaran masih belum dikenal pasti dan siasatan sedang dijalankan dengan kerjasama pihak keselamatan serta penguat kuasa berkaitan, menurut

kenyataan itu.

Walaupun insiden berlaku, aktiviti pelancongan di Taman Negara Kilimanjaro, termasuk pendakian gunung, diteruskan seperti biasa. Kenyataan itu memberi jaminan bahawa

keselamatan taman, pengunjung serta sumber alam semula jadinya kekal menjadi keutamaan. - ©BERNAMA

Persekutuan Rusia-Malaysia adakan latihan bersama tindak balas kecemasan di Kazan

MOSCOW, 5 Sept. - Latihan tindak balas kecemasan bersama Persekutuan Rusia - Malaysia diadakan pada Jumaat di sebuah kawasan latihan baharu untuk anggota bomba dan penyelamat di Kazan, menurut Kementerian Situasi Kecemasan Rusia kepada RIA Novosti.

Kementerian itu memaklumkan latihan berkenaan diadakan sebagai sebahagian daripada pameran antarabangsa mengenai keselamatan dan sekuriti bersepadu edisi ke-16. Forum itu berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Kazan

Expo dari 3 hingga 5 September 2026.

Lebih 300 syarikat dan organisasi dari lebih 30 negara dijangka menghadiri acara itu. Program pameran berkenaan merangkumi kira-kira 20 acara perniagaan dan 25 aktiviti demonstrasi. - ©BERNAMA

Jerebu sederhana dikesan di Republik Singapura, Selatan Malaysia, Utara Borneo - ASMC

REPUBLIK SINGAPURA, 5 Sept. - Jerebu tahap sederhana dikesan di Republik Singapura, selatan Semenanjung Malaysia serta utara Borneo pada Sabtu, menurut Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC).

Dalam tinjauan cuaca dan jerebu hariannya, ASMC memaklumkan kepulan asap sederhana hingga tebal turut dikesan berpunca daripada kelompok titik panas di banyak kawasan di Kalimantan serta bahagian tengah dan selatan

Sumatera.

"Titik panas dikesan secara bertaburan hingga meluas di Kalimantan dan Sumatera, manakala hanya beberapa titik panas dikesan di kawasan lain di selatan rantau ASEAN.

"Banyak stesen pemantauan kualiti udara di Borneo melaporkan tahap tidak sihat hingga berbahaya, manakala beberapa stesen di Sumatera, Singapura dan selatan Semenanjung Malaysia melaporkan tahap tidak sihat,"

menurut ASMC pada Sabtu.

Menurut data Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) Singapura, Indeks Piawaian Pencemaran (PSI) 24 jam di kawasan Tengah republik itu kekal pada tahap tidak sihat dengan bacaan 114 setakat 11 pagi Sabtu.

Kualiti udara di kawasan lain kekal pada paras atas julat sederhana, dengan kawasan Timur mencatatkan PSI 94, Barat (96), Utara (82) dan Selatan (86). - ©BERNAMA

Kes campak di AS melebihi 3,000, liputan vaksinasi menurun

LOS ANGELES, 5 Sept. - Amerika Syarikat (AS) merekodkan sebanyak 3,134 kes campak yang disahkan pada tahun ini setakat Khamis, dengan jumlah kes di seluruh negara terus meningkat susulan penurunan liputan vaksinasi kanak-kanak, menurut data yang dikeluarkan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS pada Jumaat, lapor Xinhua.

Menurut CDC, angka itu telah pun melebihi 2,289 kes yang disahkan sepanjang 2025. Jumlah kes pada 2026 itu merupakan angka tahunan tertinggi yang direkodkan di AS sejak 1991.

Daripada kes yang dilaporkan tahun ini, sebanyak 3,118 dikenal pasti di 47 wilayah pentadbiran AS, manakala 16 lagi membabitkan pelawat antarabangsa. Seramai 248 orang dimasukkan ke hospital, mewakili kira-kira lapan peratus daripada kes disahkan, manakala 38 wabak campak dilaporkan setakat tahun ini.

CDC memaklumkan kira-kira 94 peratus daripada kes disahkan membabitkan individu yang tidak divaksin atau tidak diketahui status vaksinasi mereka. Agensi itu mengesyorkan dua dos vaksin campak, beguk dan rubela (MMR)

sebagai perlindungan terbaik terhadap campak.

CDC menyatakan liputan vaksinasi campak dalam kalangan kanak-kanak tadika di AS menurun kepada 92.4 peratus pada tahun persekolahan 2025-2026 berbanding 95.2 peratus pada tahun persekolahan 2019-2020. Kira-kira 280,000 kanak-kanak tadika tidak mempunyai dokumentasi yang menunjukkan mereka telah melengkapkan siri vaksin MMR.

Agensi itu memaklumkan bahawa apabila lebih 95 peratus penduduk dalam sesebuah komuniti divaksin, kebanyakan penduduk akan mendapat perlindungan menerusi imuniti komuniti. - ©BERNAMA

Kadar obesiti di EU catat paras tertinggi dalam 8 tahun

MOSCOW, 5 Sept. - Satu daripada enam orang dewasa di Kesatuan Eropah (EU) mengalami obesiti pada 2025, iaitu paras tertinggi sejak 2017, menurut data Eurostat yang diterbitkan pada Jumaat, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Agensi itu menerbitkan kajian

kadar obesiti setiap beberapa tahun. Pada 2017, kadar itu ialah 15.1 peratus. Pada 2022, angka itu menurun kepada 14.8 peratus, namun meningkat semula kepada 16.3 peratus pada 2025.

Obesiti bermaksud indeks jisim

tubuh (BMI) seseorang ialah 30 atau lebih. Sebanyak 35.4 peratus individu berusia 18 tahun ke atas berada dalam kategori pra-obesiti, dengan BMI antara 25 dan 30. Secara keseluruhan, lebih separuh daripada populasi dewasa EU mempunyai berat badan berlebihan sama ada mengalami obesiti atau pra-obesiti.

Lelaki lebih berkemungkinan

mempunyai berat badan berlebihan berbanding wanita, dengan kadar obesiti masing-masing 17.4 peratus bagi lelaki dan 15.3 peratus bagi wanita.

Peratusan lelaki dalam kategori pra-obesiti ialah 41.9 peratus berbanding 29.3 peratus dalam kalangan wanita. Pada masa yang sama, wanita lebih berkemungkinan mengalami kekurangan berat badan berbanding lelaki, masing-masing pada kadar 2.9 peratus dan 1.0

peratus.

Kadar obesiti tertinggi direkodkan di Malta, dengan kira-kira satu daripada empat orang dewasa (26.6 peratus) mengalami obesiti. Kadar seterusnya tertinggi dicatatkan di Latvia (24.6 peratus) dan Finland (23.2 peratus). Kadar terendah pula direkodkan di Republik Itali (7.0 peratus), Republik Hellenic Greece (12.8 peratus) dan Romania (12.9 peratus). - ©BERNAMA

Timbalan PM Thailand Sihasak lakukan lawatan kerja 2 hari ke Malaysia mulai 6 September

KUALA LUMPUR, 5 Sept. - Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Thailand Sihasak Phuanketkeow dijadual melakukan lawatan kerja dua hari ke Malaysia bermula Ahad (6 September) hingga 7 September ini, menurut PR Thai Government.

Menerusi hantaran di Facebook pada Jumaat, PR Thai Government memaklumkan lawatan itu bertujuan mengambil tindakan susulan serta memajukan perkara yang dibincangkan oleh pemimpin kedua-dua negara semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada 9 hingga 10 Julai.

Sihasak akan diiringi Pengarah Agensi Perisikan Kebangsaan dan Ketua Panel Dialog Keamanan bagi Wilayah Sempadan Selatan Thanat Suwannanon.

Delegasi itu dijadual bertemu Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan bagi membincangkan keselamatan sempadan dan pembangunan bersama kawasan sempadan.

"Perbincangan akan memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, penambahbaikan kesalinghubungan jalan raya dan rel serta pembinaan bahagian tambahan pagar sempadan bagi mencegah dan membanteras kegiatan rentas sempadan yang menyalahi undang-undang.

"Kerjasama itu dijangka dapat meningkatkan keselamatan dan kesalinghubungan antara kedua-dua negara, di samping menyokong pembangunan ekonomi di kawasan sempadan serta memberikan manfaat lebih besar kepada penduduk di kedua-dua belah sempadan," menurut PR Thai Government. - ©BERNAMA

Indeks harga makanan dunia catat paras tertinggi dalam lebih 3 tahun pada Ogos

ROM, 5 Sept. - Indeks Harga Makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) mencatat purata 133.3 mata pada Ogos, meningkat 1.9 peratus berbanding Julai dan 2.5 peratus berbanding setahun sebelumnya, sekali gus mencapai paras tertinggi sejak akhir 2022, menurut FAO pada Jumaat, lapor Xinhua.

Kenaikan itu melibatkan kesemua lima indeks kumpulan komoditi. Indeks Harga Gula FAO mencatat peningkatan terbesar, melonjak 11.9 peratus bulan ke bulan kepada paras tertinggi sejak Jun 2025, susulan kebangkitan yang semakin meningkat terhadap bekalan gula dunia bagi musim 2026/27. Cuaca panas dan kering di Kesatuan Eropah (EU) serta beberapa kawasan di Asia, pengeluaran gula yang lebih rendah di Brazil dan keputusan Republik India membenarkan import gula mentah tanpa duti menyumbang kepada kenaikan itu.

Indeks Harga Bijirin FAO meningkat 2.2 peratus pada Ogos kepada paras tertinggi sejak Mei 2024. Harga gandum meningkat 2.6 peratus, disokong oleh gangguan berterusan terhadap logistik eksport di Laut Hitam, prospek pengeluaran yang lebih rendah di beberapa kawasan Eropah akibat cuaca panas dan kering serta kelemahan dolar AS.

Harga jagung pula meningkat 2.5 peratus berikutan kebangkitan terhadap hasil tanaman di beberapa kawasan Amerika Syarikat dan EU, permintaan kukuh daripada sektor etanol dan makanan ternakan serta gangguan terhadap eksport Ukraine.

Indeks Harga Minyak Sayuran meningkat 0.6 peratus kepada paras tertinggi sejak Jun 2022, sekali gus mencatat peningkatan untuk bulan ketiga berturut-turut. Indeks Harga Daging meningkat 1.0 peratus, didorong oleh harga daging ayam, babi dan biri-biri yang lebih tinggi manakala Indeks Harga Produk Tenuku meningkat 2.3 peratus, kenaikan pertama dalam tempoh empat bulan.

Walaupun meningkat pada Ogos, Indeks Harga Makanan FAO masih 16.8 peratus lebih rendah berbanding paras rekod tertinggi yang dicatat pada Mac 2022, menurut FAO. - ©BERNAMA



DUSSELDORF/BERLIN, 6 Sept.

- Polis meneruskan gerakan memburu secara intensif seorang lelaki yang disyaki melakukan beberapa serangan sabotaj terhadap grid elektrik Republik Persekutuan Jerman, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Gerakan itu dilancarkan susulan dua surat pengakuan yang

POLIS BURU SUSPEK SIRI SABOTAJ GRID ELEKTRIK REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN

dihantar kepada beberapa organisasi media termasuk DPA.

"Maklumat yang didedahkan dalam surat berkenaan jelas hanya diketahui oleh pelaku," kata Menteri Dalam Negeri Alexander Dobrindt.

Mengenai kemungkinan motif serangan, Dobrindt berkata terdapat kebarangkalian tinggi bahawa tindakan itu merupakan 'keganasan iklim' yang dilakukan seorang individu secara bersendirian.

Satu daripada surat berkenaan menyatakan : "Menjana elektrik daripada bahan api fosil adalah satu jenayah."

Insiden itu tertumpu di negeri North Rhine-Westphalia, Brandenburg dan yang terbaharu Saxony, tiga negeri yang masih menjalankan aktiviti perlombongan lignit dan menggunakannya untuk menjana tenaga elektrik.

Polis dan pendakwa raya di Brandenburg serta North

Rhine-Westphalia pada petang Sabtu mengeluarkan notis orang dikehendaki secara bersama dengan menyiarkan dua gambar suspek berusia 48 tahun itu serta meminta orang ramai menyalurkan maklumat.

Pada Jumaat, polis menemukan bahan letupan di kediaman suspek di Gevelsberg, North Rhine - Westphalia. Kemudian pada petang hari sama, unit operasi khas menyerbu sebuah lori di kawasan hutan

berhampiran Niederzier, kira-kira 100 kilometer dari lokasi berkenaan, yang dipercayai telah diubah suai menjadi kenderaan rekreasi. Bagaimanapun, suspek tidak ditemukan.

Beberapa cubaan sabotaj yang menyasarkan bekalan elektrik dilaporkan berlaku minggu ini. Polis sedang menjalankan siasatan atas beberapa kesalahan yang disyaki dilakukan, termasuk penubuhan sebuah organisasi pengganas. - ©BERNAMA

Gelongsoran lumpur di timur Republik Rakyat China, seorang terkorban, 11 masih hilang

NANCHANG, 6 Sept. - Seorang disahkan terkorban manakala 11 lagi masih hilang selepas gelongsoran lumpur melanda sebuah kampung di Daerah Suichuan, Bandar Ji'an, Wilayah Jiangxi di timur Republik Rakyat China pada kira-kira 4 pagi Sabtu, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Bencana itu berpunca daripada hujan lebat berterusan selama beberapa hari yang dibawa oleh

Taufan Saudel, menurut ibu pejabat kawalan banjir dan bantuan kemarau daerah itu.

Dua lagi mangsa berjaya diselamatkan dan kini berada dalam keadaan stabil. Operasi mencari dan menyelamatkan secara besar-besaran sedang giat dijalankan, manakala usaha memindahkan penduduk yang terjejas serta mencegah bencana sekunder terus dilaksanakan.

Setakat 10 malam, lebih 640

anggota penyelamat telah tiba di lokasi bagi menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan, menurut ibu pejabat kawalan banjir dan bantuan kemarau daerah.

Kumpulan pertama anggota bomba yang dilengkapi pengesan hayat, dron dan anjing pengesan tiba di lokasi pada 11 pagi selepas menggunakan laluan merentasi gunung berkitan jalan menuju ke kampung berkenaan mengalami kerosakan.

Jawatankuasa Pencegahan, Pengurangan dan Bantuan Bencana Wilayah Jiangxi mengeluarkan respons kecemasan bantuan bencana Tahap 3 peringkat wilayah pada tengah hari Sabtu, memandangkan Taufan Saudel telah menjejaskan kira-kira 161,500 penduduk di wilayah berkenaan. - ©BERNAMA

Iraq tingkat kapasiti eksport minyak melebihi 3 juta tong sehari

ISTANBUL, 6 Sept. - Iraq meningkatkan kapasiti eksport minyak mentahnya kepada lebih tiga juta tong sehari dan merancang meningkatkannya kepada lima juta tong sehari ketika negara itu membangunkan laluan baharu yang tidak melalui Selat Hormuz, lapor Anadolu Ajansi memetik Menteri Minyak Basim Mohammed Khudair pada Ahad.

Khudair memberitahu Agensi Berita Iraq (INA) bahawa eksport telah mencecah kira-kira tiga juta tong sehari sejak awal September.

Beliau berkata kerajaan mahu meningkatkan kapasiti itu kepada lima juta tong sehari selepas saluran paip strategik yang menghubungkan medan minyak Iraq dengan Fishkhabur di utara dan pelabuhan Banias di Syria yang terletak di Mediterranean siap dibina.

Baghdad turut berusaha memperluas laluan eksport alternatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada Selat Hormuz.

Bulan lepas, Perdana Menteri Ali Faleh al-Zeidi mengarahkan kerja diteruskan bagi dua laluan saluran paip strategik, iaitu Basra-Haditha-Fishkhabur dan Haditha-Banias.

Laluan utara akan menghubungkan medan minyak di selatan dengan Fishkhabur berhampiran sempadan Republik Turkiye, sekali gus menyediakan akses ke saluran paip Kirkuk-Ceyhan dan pelabuhan Ceyhan di Mediterranean, Republik Turkiye.

Laluan barat pula akan menghubungkan Haditha dengan pelabuhan Banias di Syria, sekali gus menyediakan satu lagi laluan bagi Iraq ke Mediterranean dan berpotensi menghidupkan semula koridor minyak bersejarah antara kedua-dua negara.

Kerajaan memaklumkan projek itu bertujuan mempelbagaikan laluan eksport dan meningkatkan keupayaan Iraq untuk mengeksport minyak mentah ke luar negara.

Iraq mempunyai kira-kira 145 bilion tong rizab minyak terbukti, menurut angka rasmi. Pengeluaran minyak negara itu merosot kepada kira-kira 1.3 juta tong sehari semasa perang AS-Israel terhadap Republik Islam Iran yang bermula pada akhir Februari, berbanding 3.3 juta tong sehari sebelum konflik itu, sebelum mula pulih pada Julai dan Ogos.

Usaha menyediakan laluan eksport alternatif itu dilakukan ketika gangguan di Selat Hormuz berterusan susulan ketegangan antara Washington dan Tehran. - ©BERNAMA

Peru isytihar darurat di 5 penjara kawalan ketat

LIMA, 6 Sept. - Kerajaan Peru mengisytiharkan keadaan darurat selama 60 hari di lima penjara kawalan ketat yang secara keseluruhan menempatkan hampir separuh daripada banduan di negara itu yang mempunyai kaitan dengan organisasi jenayah, menurut Pejabat Presiden pada Sabtu, lapor Xinhua.

Langkah yang dikuatkuasakan menerusi dekri itu meliputi Penjara Challapalca di Tacna, Cochamarca di Pasco, Miguel Castro Castro dan Ancon I di Lima serta Trujillo Varones di La Libertad.

Menurut kenyataan itu, Polis Negara akan mengawal ketenteraman di dalam penjara berkenaan dengan sokongan Angkatan Tentera.

Langkah darurat itu meliputi kawasan penjara dan perimeter luar sehingga 200 meter, dengan hak perlembagaan berkaitan kebebasan bergerak, berhimpun serta kebebasan dan keselamatan diri digantung sementara.

Pihak berkuasa akan menjalankan operasi keselamatan darat, pengawasan ruang udara, pemantauan spektrum elektromagnet di kawasan sekitar, kawalan akses yang ketat serta operasi perisikan bagi mencegah banduan melarikan diri. - ©BERNAMA

Dua juruterbang maut, pesawat pejuang terhempas di pertunjukan udara Greece

ATHENS, 6 Sept. - Sebuah pesawat pejuang Greece terhempas semasa pertunjukan udara di Pangkalan Udara Tanagra, kira-kira 55 kilometer di utara Athens, mengorbankan kedua-dua juruterbangnya, menurut akhbar TO Proto Thema pada Sabtu, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Kedua - dua juruterbang pesawat F-4 Phantom berkenaan ditemukan maut, menurut laporan itu.

Punca kejadian masih belum diketahui dan acara berkenaan

dibatalan serta-merta.

"Kami mendengar bunyi dentuman yang sangat kuat dan sejurus selepas itu melihat asap hitam tebal," kata seorang penduduk tempatan kepada akhbar Kathimerini.

Pelbagai video yang dimuat naik oleh penonton di YouTube memaparkan insiden itu.

Pertunjukan Minggu Penerbangan Athens telah dianjurkan pada setiap September di Pangkalan Udara Tanagra sejak 12 tahun lepas.

Puluhan pesawat tentera dan

awam serta pasukan pertunjukan udara akrobatik dari pelbagai negara termasuk Republik Perancis, Austria, Sepanyol dan Republik Itali menyertai pertunjukan udara antarabangsa tahun ini.

Tentera Udara Jerman turut diwakili oleh beberapa pesawat termasuk Eurofighter Typhoon dan Tornado.

Pihak penganjur memaklumkan bahawa tidak pernah berlaku sebarang kemalangan sepanjang sejarah penganjuran acara berkenaan. - ©BERNAMA

Letusan Anak Krakatau tutup sementara Lapangan Terbang Soekarno-Hatta

JAKARTA, 6 Sept. - Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, lapangan terbang utama Jakarta, ditutup sementara pada Ahad selepas abu gunung berapi daripada letusan Gunung Anak Krakatau dikesan di kawasan lapangan terbang itu, menyebabkan 209 penerbangan terganggu dan menjejaskan 22,798 penumpang.

Ketua Pengarah Penerbangan Awam Lukman F Laisa berkata 16 penerbangan antarabangsa dibatalan, tujuh ditangguhkan dan lima dijadualkan semula, melibatkan penerbangan dari dan ke Kuala Lumpur, Republik Singapura, Hong Kong, Sydney, Seoul/Incheon, Doha dan Amsterdam.

Bagi penerbangan domestik, beliau berkata empat penerbangan dibatalan dan satu dilencongkan, melibatkan Lampung, Denpasar dan Surabaya.

Makassar dan Republik Singapura masing - masing merekodkan jumlah penerbangan terjejas tertinggi bagi laluan domestik dan antarabangsa, masing-masing sebanyak 16 dan 11 penerbangan.

"Fokus utama semua petugas lapangan terbang dan syarikat penerbangan ketika ini adalah untuk menyalurkan maklumat secara berkala, memastikan ketersediaan ruang menunggu serta mengendalikan penumpang mengikut prosedur," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Badan Geologi dalam laporan khas yang disiarkan di laman sesawangnya pada Sabtu memaklumkan Anak Krakatau yang terletak di Selat Sunda antara Jawa dan Sumatera kekal pada Tahap III atau Siaga sejak 2 Julai, dengan letusan berulang yang memuntahkan bahan pijar dan abu gunung berapi.

Agensi itu memaklumkan aktiviti letusan berterusan yang disertai bunyi gemuruh direkodkan sejak 11.07 malam waktu tempatan pada Sabtu, dengan fenomena menyerupai pancutan lava dan menghasilkan aliran lava, manakala zon larangan dalam lingkungan tiga kilometer di sekitar gunung berapi itu kekal berkuat kuasa.

Lukman berkata lapangan terbang itu pada mulanya ditutup dari 1.30 pagi hingga 5.30 pagi waktu tempatan selepas ujian yang

dijalankan antara 12.35 tengah malam hingga 1.05 pagi menunjukkan petunjuk penyebaran abu gunung berapi di Soekarno-Hatta, sebelum tempoh penutupan dilanjutkan hingga 9.30 pagi susulan satu lagi ujian oleh Stesen Meteorologi Kelas I Soekarno-Hatta.

Beliau berkata perhatian khusus diberikan kepada usaha memulihkan jadual penerbangan berkitan kemungkinan kesan berantai terhadap pusingan operasi pesawat, ketersediaan pesawat, jadual penerbangan seterusnya dan kapasiti terminal.

"Keselamatan kekal menjadi keutamaan dalam setiap keputusan operasi. Pelarasan operasi penerbangan akan terus dilakukan secara dinamik berdasarkan perkembangan keadaan di lapangan," katanya.

Lukman menasihatkan penumpang yang merancang perjalanan melalui Soekarno-Hatta supaya memantau maklumat terkini daripada syarikat penerbangan masing-masing mengenai status penerbangan dan tidak menuju ke lapangan terbang buat sementara waktu. - ©BERNAMA

IBNU BATUTAH (PDI B) JUARA KEJOHANAN FUTSAL



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Ahad, 6 September. - Pasukan Ibnu Batutah (PDI B) muncul johan pada Kejohanan Futsal 6 Orang Sepasukan Skim Bimbingan Lanjutan II (Mualaf) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi

Seluruh Negara setelah berjaya mengumpul 13 mata. Tempat kedua diraih oleh pasukan Ibnu Sina (PDI A) dengan 11 mata manakala pasukan Ibnu Khaldun (PDI C) memenangi

tempat ketiga dengan 10 mata.

Kejohanan anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Mualaf dengan kerjasama Badan Sukan PDI itu diadakan di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya, Berakas, di sini.

Sebanyak tujuh pasukan menyertai kejohanan, iaitu tiga pasukan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan PDI, manakala empat pasukan daripada para peserta Skim Bimbingan Lanjutan II (Mualaf) dari keempat-empat daerah, dengan setiap pasukan terdiri daripada enam orang pemain.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Di samping itu, hadiah turut disampaikan kepada Pemain Terbaik, Veteran Terbaik, Penjaga Gawang Terbaik dan Penjaring Terbanyak.

Terdahulu atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Acara diteruskan dengan Ucapan Perasmian Kejohanan Futsal 6 Orang Sepasukan Skim Bimbingan Lanjutan II (Mualaf) yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Isham bin Ismail.

Ia kemudiannya diteruskan dengan perlawanan futsal sehingga selesai, diikuti dengan penyampaian hadiah kepada para johan, naib johan dan tempat ketiga.

Penganjuran kejohanan tersebut antara lain bertujuan untuk menanam dan memupuk

semangat kesukanan, mengeratkan silaturahim, memupuk semangat bersatu padu dan setia kawan serta menyemai perasaan ukhuwah dalam kalangan pegawai dan kakitangan PDI serta para peserta Skim Bimbingan Lanjutan II (Mualaf) yang menyertai kejohanan berkenaan.

Selain itu, kejohanan tersebut juga merupakan salah satu aktiviti sukan bagi Skim Bimbingan Lanjutan II (Mualaf) dalam usaha menggalakkan gaya hidup sihat serta membentuk warga yang sihat, aktif dan dinamik.

Dengan adanya penganjuran aktiviti seperti ini, diharapkan hubungan silaturahim dan ukhuwah antara pegawai dan kakitangan PDI dengan para peserta Skim Bimbingan Lanjutan II (Mualaf) akan terus diperkukuhkan, di samping menyokong usaha melahirkan warga yang sihat, cergas dan mempunyai semangat kesukanan yang tinggi.

Ketengahkan bakat baharu dalam seni bela diri pencak silat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman



SESI bergambar ramai pada Pertandingan Akhir Pencak Silat bagi Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Rataie.

TEMBURONG, Ahad, 6 September. - Pertandingan Akhir Pencak Silat bagi Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 diadakan di Dewan Kemasyarakatan Rataie, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup kejohanan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Johan bagi Kategori Kelas Dini disandang oleh Awang Muhammad Alif Ahyan Al-Firdaus bin Khairul Azwan, manakala johan bagi

Kategori Kelas Pra Dini dimenangi oleh Nur Arissa Adinah binti Mohd. Haddi. Sementara bagi johan bagi Kategori Kelas 'B' Wanita Dewasa pula ialah Annisya Suraya binti Razali.

Bagi Kategori Kelas 'G' Lelaki Dewasa, johan disandang oleh Awang Muhammad Al-Amsyar bin Muhammad Al Aiman Syazwi, manakala Awang Mohammad Aniq Darwisyh bin Abdullah Mohd. Najib pula menyandang johan bagi Kategori Kelas 'D' Lelaki Dewasa, sementara Kategori Kelas 'B' Lelaki Dewasa menyaksikan Awang Muhammad Khairul Hafiy bin Mohd. Haddi muncul johan.

Sementara itu Kategori Kelas 'A' Lelaki Dewasa pula menyaksikan Awang Mohammad Azaki bin Abdullah Jakir merangkul johan, manakala Dayang Annisya Suraya binti Razali menyandang johan bagi Kategori Solo Kreatif.

Bagi Kategori Cakak Asli Lelaki, johan disandang oleh Awang Muhammad Akmal Syafiq bin Mohammad Sairual Rizal, manakala johan Kategori Cakak Asli Wanita milik Dayang Annisya Suraya binti Razali, sementara

johan Kategori Kuntau Melayu Lelaki pula milik Awang Mohd. Izzat Zikry bin Haji Khairul Halimin.

Pertandingan Pencak Silat Peringkat Daerah Temburong berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk mencungkil dan mengetengahkan bakat baharu dalam seni bela diri pencak silat, khususnya dalam kalangan

generasi muda di daerah berkenaan.

Selain itu, pertandingan berkenaan juga diharap dapat meningkatkan minat masyarakat terhadap sukan pencak silat serta memupuk semangat kesukanan, disiplin, keyakinan diri dan kerjasama dalam kalangan para peserta.

DPMM FC tewas kepada JDT FC

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Tangkap Layar RTBg

JOHOR, Sabtu, 5 September. - Johor Darul Ta'zim (JDT) FC sekali lagi membuktikan dominasi mereka dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 ini selepas membaham DPMM FC 3 - 0 pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Sultan Ibrahim, malam tadi.

Bergson da Silva membantu JDT FC mengukuhkan kedudukan dengan menyumbangkan dua gol bagi pasukan berkenaan. Pada perlawanan kali ini, penjaga gol DPMM FC Samuel Somerville membuat penampilan pertamanya.

Pada babak pertama perlawanan, gandingan Bergson da Silva dan Arif Aiman Hanapi berusaha mencari gol awal buat tuan rumah, namun DPMM FC berjaya mempamerkan corak permainan yang berdisiplin dengan menangkis setiap asakan yang diberikan oleh pasukan tuan rumah.

Namun pada minit ke-36, Bergson da Silva berjaya membuka tirai jaringan dan pada minit ke-39, beliau sekali lagi berjaya menembusi gawang DPMM FC.

Manakala pada babak kedua perlawanan menyaksikan JDT FC terus berusaha meningkatkan tekanan ke atas benteng pertahanan DPMM FC dalam memburu gol tambahan. Akan tetapi pada minit ke-89, hasil daripada ledakan gol Stoichkov berjaya menambahkan jaringan gol bagi JDT FC.

JDT FC terus memburu gol tambahan tetapi keputusan 3 - 0 kekal sehingga wisel tamat perlawanan dibunyikan oleh pengadil perlawanan. DPMM FC akan berentap menemui Sabah FC pada 13 September 2026 nanti di Stadium Likas.



ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC dengan Johor Darul Ta'zim FC pada Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 di Stadium Sultan Ibrahim.

JPI juara kejohanan bola jaring



PENOLONG Ra'es, Hal Ehwal Akademik, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Norasimah binti Haji Omar semasa sesi bergambar ramai bersama juara Kejohanan Bola Jaring.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

RIMBA, Ahad, 6 September. - Jabatan Pengajian Islam (JPI) menjuarai Kejohanan Bola Jaring sempena Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal di Dewan Serbaguna, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), petang

tadi. Universiti Brunei Darussalam (UBD) menduduki tempat kedua, manakala tempat ketiga diraih oleh BSA HB, iaitu pasukan gabungan Sekolah Tinggi Arab Hassan Bolkiah dan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pasukan-pasukan yang berjaya ialah Penolong Ra'es, Hal Ehwal Akademik, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Norasimah binti Haji Omar.

Sebanyak 17 pasukan yang terdiri daripada warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan institusi-institusi pengajian tinggi menyertai kejohanan berkenaan yang bermula pada 30 Ogos 2026.

Kejohanan anjuran JPI, KHEU itu bertujuan menyemarakkan sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal secara inklusif melalui penyertaan warga KHEU dan institusi-institusi pengajian tinggi, di samping menggalakkan amalan gaya hidup sihat, memperkukuh ukhuwah dan silaturahim serta memupuk semangat kesukanan dan nilai-nilai murni Islam melalui aktiviti bersukan.

Penganjuran kejohanan ini merupakan antara aktiviti sukan dan riadah yang diadakan bersempena Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, bertemakan 'Ukhuwah Kukuh, Pendidikan Teguh'.



ePaper Pelita Brunei



MENGANGKAT WARISAN PERMAINAN GASING MELALUI PENGLIBATAN MASYARAKAT



PEMANGKU Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, antara yang hadir menyertai Kejohanan Gasing yang diadakan di Gelanggang Gasing, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Persekutuan Gasing Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERGAB) menganjurkan Kejohanan Gasing sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Kejohanan yang berlangsung selama empat hari berkenaan melabuhkan tirainya pada hari ini dengan perlawanan peringkat

akhir yang berlangsung di Gelanggang Gasing, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga Penghulu Mukim Lumapas; Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga Ketua Kampung Putat; dan Yang Dipertua PERGAB, Dato Paduka Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Sebanyak 11 kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Gurau Gasing 25in-27in Terbuka; Kategori Gurau Gasing Borneo Disiut Terbuka; Kategori Gurau Gasing Borneo Disiut Terbuka (60 Tahun); Kategori Gurau Gasing Borneo Ditanah Terbuka; Kategori Gurau Gasing Pangkah Banyak Uri Terbuka; Kategori Gurau Gasing Lunjong Terbuka; Kategori Gurau Gasing Ubah Suai Ditunggol; Kategori Gurau Gasing Poly Tops (Plastik) 18 Tahun Kebawah; Kategori Gurau Gasing Poly Tops (Terbuka); Kategori Gurau Gasing Poly Tops (Terbuka Penghulu dan Ketua Kampung); dan Kategori Gasing Pangkah Regu.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

Perlawanan gasing berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk memeriahkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Selain itu, acara berkenaan juga bertujuan untuk memelihara warisan permainan tradisional gasing serta menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kebudayaan.

8 pasukan mara ke pusingan kedua Kejohanan Futsal Piala Keputeraan 2026



Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan Urus Setia Futsal Piala Keputeraan 2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Lapan pasukan daripada Kumpulan A dan Kumpulan B mengesahkan kemaraan ke pusingan kedua Kejohanan Futsal Piala Keputeraan 2026 selepas mengharungi saingan liga dalam

kumpulan masing-masing.

Kejohanan dwitahunan itu telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Turut hadir ialah Pengerusi

Bersama Kejohanan, Awang Fairuz Khan dan Thomas Koh, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, pagi ini.

Pusingan Kedua menyaksikan kemaraan empat pasukan dari Kumpulan A, iaitu Wirajaya dari Miri, Sarawak, PES, Syahkampong dan SBC A.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa merasmikan Kejohanan Futsal Piala Keputeraan 2026 (kiri sekali). Manakala gambar kiri, aksi para pemain pada kejohanan berkenaan.

Manakala, Kumpulan B diwakili oleh pasukan SBC B, Wasik FC A, ISC B dan BK Sahabat juga berjaya memastikan mara ke pusingan kedua.

Sementara itu, pasukan MSSSD dan AEKS pula terkandas di peringkat kumpulan.

Kejohanan berkenaan merupakan antara acara menarik dalam kalendar Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2026.

Sebanyak 18 pasukan mengesahkan penyertaan dalam kejohanan berkenaan, termasuk

pasukan dari Republik Singapura dan Malaysia.

Kejohanan yang mendapat sambutan dalam kalangan peminat sukan futsal tanah air itu diharap menjadi platform terbaik untuk menggilap bakat dan potensi pemain-pemain tempatan, sekali gus membantu mengembangkan lagi sukan futsal di negara ini.

Kejohanan berkenaan dijadualkan diteruskan minggu depan dengan menyaksikan perlawanan liga dalam Kumpulan C yang dibarisi oleh pasukan YND, Fenix FT, KAR, ISC A dan Wasik FC B. Manakala pasukan DS X Kota, Makkah FC, ASEAN Futsal dan BK Sahabat X AR yang akan bersaing dalam Kumpulan D menjadi perlawanan yang ditunggu-tunggu.

Pasukan Kasuka Ar-Rawda merupakan pasukan juara bertahan selepas menjuarai kejohanan berkenaan pada tahun 2022 dan 2024.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KURANGKAN AKTIVITI DI LUAR RUMAH, PAKAI PELITUP MUKA, GUNAKAN PENAPIS UDARA